



# BULETIN CASSIA

## MAJLIS DAERAH KAMPAR

BIL.2/2025 | JUL-DIS

[www.mdkampar.gov.my](http://www.mdkampar.gov.my)



# Tahniah MDKpr

## JOHAN ANUGERAH INOVASI PERINGKAT NEGERI PERAK 2025



12TH TOURISM PROMOTION ORGANIZATION FOR GLOBAL CITIES (TPO) GENERAL ASSEMBLY di HO CHI MINH CITY, VIETNAM



PROGRAM WORLD TRIATHLON REGIONAL CUP dan ASIA JUNIOR CUP 2025



ASEAN SMART CITY PROFESSIONAL PROGRAM (ASPP) 2025



[www.mdkampar.gov.my](http://www.mdkampar.gov.my)



Majlis Daerah Kampar



# Perutusan YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH KAMPAR



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Buletin Cassia Bil.2/2025 Majlis Daerah Kampar dapat diterbitkan dengan jayanya.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus dalam menjayakan penerbitan buletin ini. Buletin Cassia merupakan medium penting dalam menyampaikan maklumat, pencapaian serta inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Majlis Daerah Kampar demi kesejahteraan masyarakat setempat.

Sepanjang tahun 2025, pelbagai program dan usaha telah digerakkan bagi memperkukuh penyampaian perkhidmatan, meningkatkan kualiti hidup rakyat dan menaiktaraf kemudahan infrastruktur di Daerah Kampar. Antaranya termasuklah inisiatif ke arah bandar pintar, pengurusan perkhidmatan yang lebih cekap dan penglibatan komuniti dalam aktiviti pembangunan setempat.

Saya amat berharap agar segala usaha yang dilaksanakan ini dapat memberi impak positif dan berterusan kepada seluruh warga Daerah Kampar. Kejayaan yang dikecapi adalah hasil kerjasama erat antara pihak Majlis, agensi kerajaan, sektor swasta serta masyarakat. Justeru, saya menyeru agar semangat kebersamaan ini terus diperkukuh demi mencapai pembangunan yang mampan dan inklusif.

Akhir kata, saya berharap Buletin Cassia ini dapat menjadi sumber rujukan yang bermanfaat serta meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap peranan dan usaha Majlis Daerah Kampar.

Sekian, Terima kasih.

**Ahmad Suqairy Bin Alias**  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Kampar



*"Terus Melangkah Ke Hadapan"*

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

Tn. Ahmad Suqairy bin Alias, PPT\_AMP

### PENASIHAT

Pn. Siti Azura binti Hj. Juki, AMP

### KETUA EDITOR

Pn. Khumaizah binti Aziz

### WARTAWAN

1. TPr Muhamad Hisham bin Hashim, PPT.
2. Pn. Rozzila binti Mohamad Som
3. Pn. Norazila binti Ahmad Hamdi
4. Pn. Norsyazana binti Amrah@Omrah
5. En. Mohd Izham bin Ahmad
6. Pn. Mahfuzah binti Mokhtar
7. En. Muhammad Azim Aminuddin bin Mohd Ariffin
8. Pn. Hamishah binti Ahamed
9. Pn. Nurul Fahana binti Md Bakri

10. En. Muhammad Zulhelmi bin Mohd Salji
11. En. Muhammad Muslihuddin bin Jaafar
12. En. Muhamad Syarafi bin Mohd Said
13. En. Muhammad Fisyah bin Roslan

### MEDIA CASSIA

1. En. Alif Syairazi bin Mohd Sapian
2. En. Faridzul Anif bin Mohd Hashim
3. En. Mohd Hizam bin Radzuan
4. En. Mohamad Khairul Nidzam bin Zamzuri

# PROGRAM GAYA HIDUP SIHAT – SENAMROBIK SIHAT CERGAS MDKpr

11 Julai 2025 (Jumaat)

Dataran Tempat Berkumpul, MDKpr

Program telah dihadiri oleh anggota-anggota Majlis terutamanya barisan peserta Pertandingan Jom Kurus Sihat MKDpr 2025. Program dimulakan dengan sesi memanaskan badan sebelum senamrobik diteruskan dan berakhir pada jam 9.00 pagi.

Penganjuran program ini bertujuan memupuk semangat setiakawan dalam kalangan warga MDKpr selain memastikan kesihatan anggota Majlis sentiasa di tahap terbaik serta menggalakkan budaya hidup sihat bagi mengekalkan BMI ideal. Aktiviti ini juga sebagai program setiap bulan yang telah dirangka melibatkan kerjasama Kelab Sukan MDKpr dan Kecergasan Keharmonian Kampar.

MDKpr komited untuk terus membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan warganya agar kekal cergas, sihat dan bertenaga.



# PROGRAM AQUAROBIK JOM SIHAT MDKpr 2025

25 Julai 2025 (Jumaat)  
Kampar Club

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah menjalankan Program Aquarobik Jom Sihat MDKpr 2025 melibatkan penyertaan para peserta Pertandingan Jom Kurus Sihat 2025. Bertempat di Kampar Club, para peserta telah diberi latihan penuh oleh Puan Norsharolwati bin Razali, Master Trainer Water Fitness dari Manjung Fitness.

Setiap gerakan mengikut kreativiti Instruktur atau jurulatih aquarobik dan dilakukan secara perlahan disebabkan tekanan air yang memberi impak kepada pergerakan. Namun halangan inilah memberi kebaikan kepada tubuh, selain membantu meningkatkan stamina dan kekuatan otot kerana di dalam air, jumlah pembakaran kalori meningkat berbanding senamrobik biasa.

## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

PROGRAM JOM BERSIH SEMPENA KEMPEN TANDAS AWAM BERSIH MDKpr 2025 DI TANDAS AWAM PUSAT PENJAJA GOPENG.



# PROGRAM JOM BERSIH SEMPENA KEMPEN TANDAS AWAM BERSIH MDKpr 2025 DI TANDAS AWAM PUSAT PENJAJA GOPENG

20 Julai 2025 (Ahad)  
Tandas Awam Pusat Penjaja Gopeng

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah menjalankan Program Jom Bersih sempena Kempen Tandas Awam Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Bersih Peringkat MDKpr bagi tahun 2025. Tandas Awam Pusat Penjaja Gopeng telah dicalonkan mewakili Daerah Kampar bagi penyertaan Pertandingan Tandas Awam PBT Bersih bagi Kempen Kesihatan Persekitaran anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada tahun ini.

Program tersebut dimulakan dengan sesi taklimat program kepada para peserta sebelum aktiviti Gotong-Royong Kebersihan dijalankan di sekitar Pekan Gopeng dan aktiviti mengecat mural di dinding tandas awam. Program pada hari ini telah disertai oleh anggota Majlis, para pelajar dari Kolej Matrikulasi Gopeng dan SMK Idris Shah.

Pihak Majlis berharap penyertaan pertandingan pada kali ini akan memperoleh kemenangan selepas memenangi kategori yang sama pada tahun 2021/2022 bagi Tandas Awam Pasar Awam Kampar.





## KUTIPAN BARANGAN KITAR SEMULA DI SK METHODIST (ACS) DAN SK AIR HITAM LABU KAMPAR

31 Julai 2025 (Khamis)  
SK Methodist (ACS) dan SK Air Hitam Labu Kampar

Staf dari Jabatan Kesihatan Awam, Majlis Daerah Kampar (MDKpr) menjalankan kutipan barangan kitar semula di S.K METHODIST (ACS) dan SK Air Hitam Labu, Kampar sempena Pertandingan Kempen Pengumpulan Barangan Kitar Semula Peringkat Daerah Kampar Tahun 2025. Pelbagai barangan kitar semula berjaya dikumpulkan melibatkan buku terpakai, kotak, botol plastik, minyak masak terpakai dan surat khabar.

Pihak Majlis menyeru semua sekolah di Daerah Kampar untuk menyertai pertandingan ini yang menyediakan hadiah wang tunai kepada setiap pemenang. Tempoh pertandingan telah berlangsung sehingga 31 Oktober 2025 dan terbuka kepada semua sekolah rendah dan sekolah menengah di Kampar.

## KUTIPAN SISA KITAR SEMULA BULAN OKTOBER MENGIKUT ZON EKSA DI MAJLIS DAERAH KAMPAR (MDKpr)



31 Oktober 2025 (Jumaat)  
Pejabat MDKpr

Sebanyak 130 kg kutipan sisa kitar semula bagi bulan Oktober berjaya dikumpulkan oleh anggota Jabatan Kesihatan Awam, Majlis Daerah (MDKpr). Ia merupakan bulan terakhir bagi Pertandingan Pengumpulan Barangan Kitar Semula di setiap Zon EKSA, MDKpr yang bermula dari bulan Jun 2025. Semua timbangan sisa akan direkodkan dan diumumkan pada setiap bulan sepanjang tempoh pertandingan yang bermula dari 29 Mei hingga 30 Oktober 2025.

Pengumpulan sisa dibuat pada setiap minggu ke-4 pada setiap bulan dan terbuka kepada setiap zon EKSA di MDKpr. Objektif program ini adalah untuk memastikan semua anggota Majlis mengamalkan budaya kitar semula terutama penggunaan kertas, kotak, bekas minuman plastik dan lain-lain barangan.

Ayuh, semua warga MDKpr menyahut seruan Kerajaan Negeri Perak untuk aktif mengamalkan amalan kitar semula di pejabat Majlis.

## MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEPADA PEMENANG PERTANDINGAN PENGUMPULAN BARANGAN KITAR SEMULA, E-WASTE, MINYAK MASAK TERPAKAI DAN TAYAR TERPAKAI SERTA PERTANDINGAN MELUKIS POSTER PERINGKAT DAERAH KAMPAR TAHUN 2025

19 Disember 2025 (Jumaat)  
Auditorium, MDKpr.

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Pengumpulan Barangan Kitar Semula, E-waste, Terpakai dan Minyak Masak Terpakai dan Tayar Terpakai serta Pertandingan Melukis Poster Bertemakan Kempen Hindari Beg Jinjit Sekali Guna dan 5R Peringkat Daerah Kampar Tahun 2025. Majlis telah disempurnakan oleh En. Mohd Izham bin Ahmad, Pegawai Tadbir Jabatan Kesihatan Awam, MDKpr mewakili Yang Dipertua MDKpr kepada para pemenang yang hadir bertempat di Auditorium, MDKpr.

Pertandingan Pengumpulan Barangan Kitar Semula yang bermula dari 1 Jun hingga 31 Oktober 2025 dibahagikan kepada 4 kategori sisa iaitu barangan kitar semula, e-waste, minyak masak terpakai dan tayar terpakai yang melibatkan 4 kategori iaitu individu, agensi kerajaan/swasta, sekolah rendah dan sekolah menengah. Penyertaan pertandingan yang diterima pada tahun ini menunjukkan peningkatan yang lebih ramai berbanding tahun lepas di mana menyaksikan jumlah peningkatan pengumpulan sisa kitar semula di setiap program yang dijalankan pada setiap bulan. Pertandingan ini turut disokong oleh Syarikat Green Energy Asia, Syarikat Unioleo Sdn. Bhd. dan Syarikat Edsha Solution Sdn. Bhd. yang merupakan Rakan Strategik Alam Sekitar MDKpr.

Selain itu, Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Melukis Poster Bertemakan Kempen Beg Jinjit Sekali Guna dan Amalan 5R Peringkat Daerah Kampar turut dijalankan. Sebanyak 2 kategori yang dipertandingkan iaitu melibatkan kategori sekolah rendah dan sekolah menengah di mana para peserta diberikan tema berkaitan Kempen Hindari Beg Jinjit Sekali Guna dan Amalan 5R untuk melukis poster sepanjang tempoh pertandingan yang bermula dari 25 November hingga 12 Disember 2025.



Pihak Majlis berharap semua penduduk Daerah Kampar sentiasa memastikan amalan kitar semula dijalankan bagi memastikan kelestarian alam sekitar sentiasa terpelihara.

# PROGRAM PENGURUSAN OBESITI, PEMERIKSAAN LEMAK DAN AEROBIK TABATA BERSAMA UNIT FISIOTERAPI PKD KAMPAR

**01 Ogos 2025 (Jumaat)**  
**Dewan Bandaran Kampar**

**P**eserta Pertandingan Jom Kurus Sihat MDKpr 2025 pada kali ini diberikan pendedahan lengkap tentang Pengurusan Obesiti, Pemeriksaan Lemak Dalam Badan dan Aerobik Tabata. Bertempat di Dewan Bandaran Kampar, program yang dijalankan pada hari ini juga terbuka kepada semua anggota Majlis dengan bimbingan oleh Puan Evanisto a/p Bah Kala, Jurulatih Perubatan Fisioterapi U5 dari Pejabat Kesihatan Daerah Kampar.

Para peserta diuji melakukan 8 disiplin tabata yang dibahagikan mengikut kesesuaian otot pada anggota badan. Pemeriksaan berat dan BMI setiap peserta diambil dan direkodkan oleh urusetia bagi menilai tahap penurunan berat badan bagi tempoh 1 bulan pertandingan ini dijalankan.



# PROGRAM GYM TOUR & PRACTICE

**12 Ogos 2025 (Selasa)**  
**Sixbase Sport Arena, Kampar**

**J**awatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah menjalankan Program *Gym Tour & Practice* di Sixbase Sport Arena, Kampar bersama peserta Pertandingan Jom Kurus Sihat MDKpr. Program ini merupakan kerjasama pihak Majlis dengan Sixbase Holdings dalam memperkenalkan dunia gimnasium kepada peserta pertandingan.

Taklimat telah disampaikan oleh En Lim Yit Hoo, Pengurus Sixbase Sport Arena dan peserta telah diberikan pendedahan berkaitan penggunaan peralatan di gimnasium oleh barisan jurulatih. Diharapkan program ini dapat memberikan kesedaran kepada peserta pertandingan tentang kepentingan menjaga kesihatan fizikal dan mental melalui aktiviti di gimnasium



## PROGRAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) DI SEKOLAH KEBANGSAAN METHODIST MALIM NAWAR

08 September 2025 (Isnin)  
Sekolah Kebangsaan Methodist Malim Nawar

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah mengadakan Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di Sekolah Kebangsaan Methodist Malim Nawar. Taklimat KKP telah disampaikan oleh En. Mohd Izham bin Ahmad, Pegawai Tadbir Jabatan Kesihatan Awam bersama pasukan Biro JKKP, MDKpr kepada semua pelajar sekolah tersebut. Program KKP di Sekolah (*OSH in School*) ini merupakan salah satu pengisian aktiviti JKKP, MDKpr sempena sambutan Bulan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat MDKpr Tahun 2025 yang disambut sepanjang bulan September.

Antara objektif program KKP di sekolah yang telah diwujudkan oleh pihak National Institute Of Occupational Safety And Health (NIOSH) adalah kerana sekolah juga merupakan sebuah tempat kerja. Sebagai sebuah tempat kerja, sekolah adalah tertakluk kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) pindaan 2022.



## PROGRAM GAYA HIDUP SIHAT – SENAMROBIK SIHAT CERGAS MDKpr

19 September 2025 (Jumaat)  
Dataran Tempat Berkumpul, MDKpr

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah menganjurkan Program menganjurkan Program Gaya Hidup Sihat – Senamrobik Sihat Cergas MDKpr Siri 3.0 bertempat di Dataran Tempat Berkumpul, MDKpr bermula jam 8.00 pagi.

Penganjuran program ini bertujuan memupuk semangat setiakawan dalam kalangan warga MDKpr selain memastikan kesihatan anggota Majlis sentiasa di tahap terbaik serta menggalakkan budaya hidup sihat bagi mengekalkan BMI ideal. Aktiviti ini juga sebagai salah satu program bagi sambutan Bulan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat MDKpr Tahun 2025 melibatkan kerjasama Kelab Sukan MDKpr dan Kelab Kecergasan Keharmonian Kampar.

MDKpr komited untuk terus membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan warganya agar kekal cergas, sihat dan bertenaga.



## PERTANDINGAN MASTERCHEF OSH MDKpr 2025



19 September 2025 (Jumaat)  
Majlis Daerah Kampar

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah mengadakan Pertandingan Masterchef OSH MDKpr 2025 sempena Bulan KKP Peringkat MDKpr 2025. Sebanyak 7 buah kumpulan telah menyertai pertandingan yang terdiri daripada pelbagai jabatan dan orang awam yang terlibat untuk menyediakan menu sihat berkonsepkan Menu Kerabu/Salad.

Juri jemputan daripada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kampar telah diundang untuk menjurikan menu sihat yang dihasilkan oleh setiap kumpulan peserta. Pemenang bagi pertandingan ini akan dimaklumkan semasa Majlis Penutup Sambutan Program KKP.



## OPERASI BERSEPADU KESIHATAN PERSEKITARAN PELBAGAI AGENSI KERAJAAN DI DAERAH KAMPAR 2025

01 hingga 02 Disember 2025 (Isnin dan Selasa)  
Gopeng

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah menganjurkan Operasi Bersepadu Kesihatan Persekitaran Pelbagai Agensi Kerajaan di Daerah Kampar dari 1 hingga 2 Disember 2025. Operasi ini telah disertai oleh Jabatan Teknikal Dalam MDKpr iaitu Jabatan Kesihatan Awam, Jabatan Kejuruteraan, Bahagian Penguatkuasa dan agensi kerajaan dari Jabatan Tenaga Kerja Negeri Perak, Jabatan Imigresen Negeri Perak, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Perak, Ibu Pejabat Polis Daerah Kampar, Pejabat Kesihatan Daerah Kampar dan Pejabat Penghulu Mukim Teja.

Hasil operasi bersepadu yang dijalankan telah mengeluarkan 37 kompaun dan menangkap 14 orang pekerja warga asing melibatkan pelbagai kesalahan seperti kesalahan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) iaitu gagal mematuhi syarat lesen, Akta Parit Jalan dan Bangunan 1974 iaitu pembinaan tanpa kelulusan, kesalahan di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972, kesalahan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 dan kesalahan di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990.

Sepanjang operasi dijalankan di sekitar Gopeng yang tertumpu pada premis perniagaan dan kawasan industri yang menggajikan pekerja dari kalangan warga asing mendapati masih terdapat majikan yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh agensi kerajaan yang berkaitan bagi keperluan pengurusan pekerja.



Pihak Majlis ingin menegaskan bahawa tindakan penguatkuasaan seumpama ini akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan pematuhan kepada semua peraturan yang ditetapkan oleh agensi kerajaan.

## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

### PROGRAM HARI CUCI MALAYSIA PERINGKAT DAERAH KAMPAR 2025



# PROGRAM HARI CUCI MALAYSIA PERINGKAT DAERAH KAMPAR 2025


**27 September 2025 (Sabtu)**  
**Perkarangan Padang Kolam Rekreasi Taman Kinta, Gopeng**

Program Hari Cuci Malaysia Peringkat Daerah Kampar 2025 telah berlangsung dengan jayanya di Perkarangan Padang Kolam Rekreasi Taman Kinta, Gopeng bermula jam 7.45 pagi hingga 1.00 tengahari. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Puan Sandra Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak merangkap ADUN Teja dan turut hadir sama Yang Berhormat Tuan Kar Hing, Ahli Parlimen Gopeng, Yang Berusaha Tuan Ahmad Suqairy bin Alias, Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar, YDH Toh Muda Orang Kaya Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja, Encik Azman Bin Dato' Seri Yeop Junior, Orang Besar Jajahan Kampar, TPr Muhamad Hisham bin Hashim, Pegawai Tadbir Jabatan Perancang yang menjalankan tugas Setiausaha Majlis Daerah Kampar, barisan Ahli-ahli Majlis, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Kinta, agensi kerajaan, swasta, NGO, institusi pendidikan dan komuniti setempat.

Pelbagai aktiviti dijalankan antaranya senamrobik, Fun Walk, Program Pembersihan Mega, Program Penanaman Pokok, Pemeriksaan Kesihatan Percuma, Pameran Kesihatan, Pertandingan Mewarna, Pertandingan Gubahan Pulut Kuning, Pertandingan Rekaipcta daripada Barangan Kitar Semula, Pertandingan Explorace Cuci Malaysia, Pertandingan Sukaneka, Pengumpulan barangan kitar semula termasuk e-waste & minyak masak terpakai, demonstrasi pemadaman kebakaran dan acara cabutan bertuah. Seramai 500 orang peserta telah mengambil bahagian sempena penganjuran program tersebut.

Inisiatif pembersihan mega ini dilaksanakan serentak di seluruh negara sebagai usaha bersama menangani isu pencemaran sisa, di samping menyemai nilai tanggungjawab sosial dan kelestarian alam sekitar selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI serta sambutan World Clean Up Day. Penganjur utama, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) turut menyasarkan rekod baharu Malaysia Book of Records dengan penyertaan seramai 100,000 peserta dan kutipan minyak masak terpakai terbanyak sekurang-kurangnya 3,000 kilogram di seluruh negara. Program ini berjaya meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kebersihan, kitar semula dan kelestarian alam sekitar di samping mengeratkan hubungan antara sesama penduduk di Daerah Kampar.

MDKpr merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan Hari Cuci Malaysia Peringkat Daerah Kampar 2025. Komitmen padu yang ditunjukkan membuktikan kesediaan seluruh komuniti untuk berganding bahu dalam usaha melestarikan alam sekitar dan mewujudkan persekitaran yang bersih, hijau dan sejahtera.



## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

PROGRAM HARI KELUARGA MDKpr TAHUN 2025



# PROGRAM HARI KELUARGA MDKpr TAHUN 2025

**28 September 2025**  
**Lost World of Tambun, Ipoh**

**S**eramai hampir 600 orang hadir ke Program Hari Keluarga MDKpr Tahun 2025 di Taman Tema Lost World of Tambun.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, program ini telah berlangsung dengan jayanya. Tetamu yang hadir antaranya adalah Ahli-ahli Majlis dan anggota bersama ahli keluarga serta pelajar latihan industri.

Majlis yang diadakan sekitar jam 10.00 pagi dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Tuan TPr Muhamad Hisham bin Hashim, P.P.T., Pegawai Tadbir (Perancangan) yang menjalankan tugas Setiausaha MDKpr.



Tujuan program ini adalah bagi mewujudkan kesedaran dalam mengiktiraf keluarga sebagai asas kehidupan yang penting dalam membina masyarakat penyayang ke arah kesejahteraan negara.

Selain itu, ia juga dapat mengukuhkan lagi kesejahteraan dan melahirkan generasi yang mengenal serta menghargai nilai kekeluargaan.

Majlis tersebut turut dimeriahkan dengan sesi cabutan bertuah dan pelbagai acara sukaneka yang melibatkan kanak-kanak mahupun dewasa. Program melabuhkan tirai dengan aktiviti bebas iaitu riadah bersama keluarga.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang membantu secara langsung dan tidak langsung serta sokongan padu daripada semua.



## PROGRAM BERKAYAK DAN PEMBENTUKAN KEYAKINAN DIRI DI DALAM AIR



**24 Oktober 2025 (Jumaat)  
Pusat Sukan Air, Kompleks Rakan Muda  
Daerah Kampar.**

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah bekerjasama dengan Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kampar bagi mengadakan Program Berkayak dan Pembentukan Keyakinan Diri di Dalam Air bertempat di Pusat Sukan Air, Kompleks Rakan Muda Daerah Kampar. Seramai 15 orang peserta Pertandingan Jom Kurus Sihat MDKpr telah menyertai program ini dan taklimat berkaitan aspek sukan kayak telah diberikan oleh wakil Pegawai Belia dan Sukan Daerah Kampar.

Para peserta telah diberikan taklimat awal cara penggunaan kayak dan pembentukan keyakinan diri di dalam air sebelum praktikal berkayak dijalankan di tasik berhampiran. Program ini bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat kepada para peserta selain memupuk semangat kesukanan dan memperkukuhkan hubungan antara setiap anggota Majlis melalui penglibatan aktiviti riadah yang sihat dan mencabar ini.



## PROGRAM PENDIDIKAN PENGHASILAN BAJA KOMPOS DARI SISA MAKANAN

**28 November 2025 (Jumaat)  
Dewan Sekolah SK Methodist (ACS) Kampar**

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) dengan kerjasama SK Methodist (ACS) Kampar telah menganjurkan Program dari Sisa Makanan baru-baru ini. Bertempat di perkarangan dewan sekolah, taklimat penghasilan baja kompos dari sisa makanan telah disampaikan oleh En. Mohd Shafiq bin Salim, Pembantu Kesihatan Awam bersama pasukan Unit Kesihatan Am, Jabatan Kesihatan Awam MDKpr kepada hampir 50 orang pelajar sekolah tersebut.

Tujuan program ini dijalankan adalah memberi pendedahan kepada para pelajar sekolah mengenai penghasilan baja kompos menggunakan sisa makanan yang dibuang. MDKpr sentiasa berharap program seumpamanya ini dikembangkan ke sekolah-sekolah lain untuk menyokong usaha murni ini melestarikan sisa makanan yang dibuang ke alam sekitar.



## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

FESTIVAL KOIR PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) PIALA YAB MENTERI BESAR PERAK TAHUN 2025.

04 DISEMBER 2025 | DEWAN BANDARAN TELUK INTAN



# FESTIVAL KOIR PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) PIALA YAB MENTERI BESAR PERAK TAHUN 2025

04 Disember 2025 (Khamis)  
Dewan Bandaran Teluk Intan

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah mendapat tempat ke-6 daripada 12 buah PBT Negeri Perak yang menyertai Festival Koir PBT Piala YAB Menteri Besar Perak Tahun 2025 yang telah berlangsung di Dewan Bandaran Teluk Intan. Program tahunan anjuran Kerajaan Negeri Perak ini bertujuan menggalakkan penglibatan PBT dalam aktiviti kesenian, memupuk semangat berpasukan serta mengeratkan hubungan antara warga kerja PBT di seluruh Negeri Perak.

Seramai 30 orang peserta koir daripada MDKpr telah mempersembahkan dua buah lagu mengikut kategori pertandingan iaitu Lagu Pelancongan dan Lagu Rakyat dengan penuh komitmen dan semangat. Sepanjang program, semua peserta menunjukkan disiplin, kerjasama dan tahap profesionalisme yang tinggi sekali gus menyerlahkan imej Majlis Daerah Kampar sebagai sebuah organisasi yang aktif serta komited memperkasakan pembangunan sahsiah dan kebudayaan dalam kalangan kakitangannya. Sekalung penghargaan kepada guru pembimbing iaitu Encik Mohd Azuan Rizal bin Ibrahim daripada Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Penyertaan ini bukan sahaja memberi pendedahan kepada peserta dalam bidang seni vokal dan persembahan pentas, malah menjadi platform penting untuk memperkukuhkan jaringan kerjasama antara PBT di negeri Perak. MDKpr berharap penyertaan ini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai usaha berterusan membudayakan kreativiti, inovasi dan kesepaduan warga kerja.



## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA PERINGKAT NEGERI PERAK 2025.



# SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA PERINGKAT NEGERI PERAK 2025

**08 Disember 2025 (Isnin)  
 Dewan Bandaran Kampar, Perak.**

Majlis sambutan dianjurkan secara kolaborasi antara Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Negeri Perak dan Majlis Daerah Kampar (MDKpr).

Penganjuran program turut melibatkan kerjasama daripada Kelab Sukan dan Kebajikan PLANMalaysia Perak (KESUBA), Kelab Sukan Majlis Daerah Kampar dan Badan Kebajikan (BAKEB) Majlis Daerah Kampar. Pelbagai acara telah disusun bersempena majlis sambutan ini dengan kemuncaknya adalah pada majlis perasmian sambutan yang diadakan di Dewan Bandaran Kampar, Perak.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan. Turut hadir bersama adalah Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, YB Sandra Ng Shy Ching, Ketua Pengarah PLANMalaysia, YBhg. Datuk TPr Dr Alias bin Rameli dan barisan tetamu kehormat yang terdiri daripada ketua agensi / jabatan Kerajaan Peringkat Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, agensi-agensi teknikal, para perancang bandar serta komuniti setempat.

YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan turut merasmikan Pusat Operasi Bersepadu, Kampar "Kampar Integrated Operations Centre" (IOC) yang dibangunkan atas peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia berjumlah RM400,000.



## PROGRAM KUALITI

PROGRAM JEJAK UMBI 1 BAGI PROJEK PENYELIDIKAN PERNIAGAAN LESTARI UNTUK USAHAWAN MIKRO DI NEGERI PERAK.



# PROGRAM JEJAK UMBI BAGI PROJEK PENYELIDIKAN PERNIAGAAN LESTARI UNTUK USAHAWAN MIKRO DI NEGERI PERAK

24 Julai 2025 (Khamis)  
 Auditorium, MDKpr

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) bersama Institute of Malaysian & International Studies - IKMAS UKM telah menjalankan sesi taklimat kepada para peniaga bagi projek penyelidikan Perniagaan Lestari Untuk Usahawan Mikro (UMBI) Negeri Perak. Sesi taklimat yang diadakan di Auditorium MDKpr telah disampaikan oleh Dr Muhamad Azwan bin Abd Rahman, Ketua Projek Penyelidikan UMBI-TCCF dan dihadiri seramai 50 orang peniaga yang terdiri daripada peniaga pasar malam dan pasar pagi yang terdapat di Daerah Kampar.

Objektif projek ini adalah untuk menyebarkan ilmu dan latihan berkaitan pengurusan perniagaan bagi sektor penjaja kecil. Ia juga menyokong matlamat kerajaan melalui Dasar Pembangunan Peniaga dan Penjaja Kecil 2030 (D3PK2030).



# KOLOKIUUM AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2025

**06 Ogos 2025 (Rabu)  
 Galasa Caldwell, Ipoh**

K olokium ini telah menghimpunkan Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari seluruh Negeri Perak dalam satu platform bersepadu bagi memperkukuh kefahaman, memperkasa peranan, serta meningkatkan tahap profesionalisme dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Program diteruskan dengan dua sesi utama *Sharing Knowledge* yang berfokus kepada Perak Sejahtera 2030 – sesi ini memberi penekanan kepada hala tuju strategik pembangunan negeri yang inklusif dan lestari serta, Pengurusan Aduan – sesi ini membincangkan pendekatan berkesan dalam menangani aduan masyarakat secara profesional dan berintegriti.



Program ini memberi fokus dalam memupuk kerjasama dan perkongsian ilmu demi memperkasakan tadbir urus kerajaan tempatan yang lebih berkesan dan berorientasikan rakyat.



# KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT MDKPR 2025

**27 Ogos 2025 (Rabu)  
 Perkarangan Lobi, Pejabat Kompleks Pentadbiran MDKpr**

Tuan Ahmad Suqairy bin Alias, Yang Dipertua MDKpr telah merasmikan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat MDKpr bertempat di Perkarangan Lobi, Pejabat Kompleks Pentadbiran. Ia turut dihadiri oleh Ahli- Ahli Majlis, Ketua Jabatan/Bahagian/Unit dan warga kerja MDKpr.

Program diserikan dengan nyanyian lagu patriotik dan pemasangan Jalur Gemilang pada kenderaan rasmi milik MDKpr dan kenderaan kontraktor kutipan sampah lantikan Majlis.

MDKpr juga telah mengeluarkan notis untuk pemasangan bendera kepada premis-premis perniagaan serta memasang Jalur Gemilang di jalan-jalan utama dan sekitar bandar Kampar.

Tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2025, “Malaysia Madani : Rakyat Disantuni” telah dipilih menggambarkan penekanan dan keutamaan kerajaan dalam memastikan kebajikan rakyat diberikan perhatian utama.

Semoga warga kerja MDKpr terus mekar dengan jiwa merdeka, cinta tanah air dan menjadi pewaris bangsa yang gemilang melalui kempen yang dilaksanakan ini.

## PROGRAM KUALITI

### ASEAN SMART CITY PROFESSIONAL PROGRAM (ASPP) 2025



# ASEAN SMART CITY PROFESSIONAL PROGRAM (ASPP) 2025

**22 Ogos 2025 (Jumaat)  
 Seoul National University, Korea Selatan**

Majlis Daerah Kampar telah mencalonkan seorang pegawai iaitu Gs. Muhamad Faiz bin Abdul Halim bagi menyertai *ASEAN Smart City Professional Program (ASPP) 2025* yang berlangsung pada 22 Ogos hingga 6 September 2025 di Seoul National University, Korea Selatan.

Lebih membanggakan, Gs. Muhamad Faiz bersama 8 lagi peserta daripada pasukan Malaysia telah berjaya merangkul *Outstanding Report – 1st Winner* daripada 10 negara ASEAN yang mengambil bahagian.

Tajuk pembentangan pasukan Malaysia ialah *“Bridging Borders: A Digital Solution for Cross-Border Mobility”*, yang menekankan kepentingan inovasi digital dalam memudahkan pergerakan rentas sempadan, seterusnya mengukuhkan kerjasama serantau di rantau ASEAN.

Pencapaian ini bukan sahaja mengharumkan nama Majlis Daerah Kampar, tetapi juga membawa nama baik Malaysia di mata dunia. Tahniah dan syabas diucapkan!



## PROGRAM KUALITI

### MAJLIS DAERAH KAMPAR DI SMART CITY CONNECT & ASCN 8!



# MAJLIS DAERAH KAMPAR DI SMART CITY CONNECT & ASCN 8!

**03 - 05 September 2025**  
**Ho Chi Minh City, Vietnam**

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) selaku ahli *Tourism Promotion Organization for Global Cities (TPO)* telah menghadiri 12th *TPO General Assembly* yang berlangsung di Ho Chi Minh City, Vietnam.

Penyertaan ini menjadi platform penting bagi MDKpr sebagai PBT bertaraf Daerah dalam mengetengahkan inisiatif Bandar Pintar Kampar, memperkenalkan potensi pembangunan bandar pintar, serta berkongsi pengalaman dan strategi ke arah membentuk sebuah bandar yang lebih berdaya huni, hijau dan inklusif.

MDKpr mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur, para delegasi, rakan strategik, dan pengunjung yang telah bersama-sama melihat lebih dekat aspirasi Kampar dalam merealisasikan bandar pintar berdasarkan Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030.

MDKpr menyahut cabaran KPKT dan telah menjadi dua Pihak Berkuasa Tempatan dan Daerah pertama di Malaysia yang telah mendapat pengiktirafan *Smart City Early Adopter* bersama Majlis Daerah Tangkak.



## PROGRAM KUALITI

TERENGGANU SMART CITY ACTIVATION DAY 2025



# TERENGGANU SMART CITY ACTIVATION DAY 2025

**14 Oktober 2025 (Selasa)  
 Duyong Convention Center,  
 Kuala Terengganu.**

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah menyertai Program Terengganu *Smart City Activation Day 2025* yang berlangsung di Duyong Convention Center, Kuala Terengganu.

MDKpr merupakan salah satu daripada 32 pempamer dalam program tersebut yang terdiri daripada agensi kerajaan dan juga pemain industri bagi berkongsi inisiatif pintar yang telah dijalankan.

Penyertaan ini merupakan sebahagian daripada komitmen MDKpr dalam memperkukuh jaringan kerjasama strategik antara agensi kerajaan, industri dan juga komuniti seiring dengan aspirasi Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030.

Selain itu, program ini menjadi platform perkongsian ilmu dan pengalaman antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara.

Selain itu, program ini menjadi platform perkongsian ilmu dan pengalaman antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara.

MDKpr mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan pihak urus setia Terengganu *Smart City Activation Day 2025* atas jemputan dan ruang kolaborasi ini.



## PROGRAM KUALITI

ANUGERAH MAJIKAN TERBAIK PENGURUSAN KESELAMATAN PERJALANAN PERGI BALIK KERJA 2024.



# ANUGERAH MAJIKAN TERBAIK PENGURUSAN KESELAMATAN PERJALANAN PERGI BALIK KERJA 2024

13 November 2025 (Khamis)  
 Sama-Sama Hotel, KLIA

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) sekali lagi telah menempa nama apabila menerima tempat ke-2 Anugerah Majikan Terbaik Pengurusan Keselamatan Perjalanan Pergi Balik Kerja 2024. MDKpr merupakan penerima tunggal dari kalangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang memenangi dalam Anugerah Sokongan Keselamatan Perjalanan Selamat 2025. Majlis penyampaian anugerah telah disampaikan oleh YB Tuan Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia kepada Yang Berusaha TPR Muhamad Hisham bin Hashim, Pegawai Tadbir (Perancang Bandar) yang menjalankan tugas Setiausaha mewakili Tuan YDP bertempat di Sama-Sama Hotel, KLIA. Ini merupakan kejayaan kali kedua MDKpr menerima anugerah ini yang dianjurkan bersama oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Melalui program ini, wakil-wakil majikan dan pekerja telah dilatih berkaitan pengurusan perjalanan selamat. Objektif utama majlis ini adalah bagi memberi pengiktirafan kepada Majikan Terbaik *Commuting Safety Support Program* (CSSSP) dan *Work Related Road Safety Support Program* (WRRSP). Majlis penyampaian anugerah ini juga diadakan bersempena Transport Expo Asia (TXA) 2025 di lokasi yang sama bermula 11 November hingga 13 November 2025. Semoga Majlis Daerah Kampar terus maju jaya dan menempa lebih banyak kejayaan di masa akan datang. Tahniah!



## PROGRAM KUALITI

PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI PERINGKAT NEGERI PERAK 2025.



17 November 2025 (Isnin)  
Sama-Sama Hotel, KLIA

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Kumpulan BioXPRT daripada Majlis Daerah Kampar (MDKpr) atas kejayaan cemerlang mempersembahkan produk inovasi W-SAP (Water Super Absorbent Polymers) dalam pertandingan tahun ini.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Teh Kok Lim, Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak.

Kumpulan ini telah berjaya meraih Tempat Pertama sekaligus membawa pulang hadiah berupa Wang Tunai berjumlah RM10,000.00, Piala dan Sijil Penghargaan bagi kategori Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2025.

Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan di MDKpr, selaras dengan aspirasi pengurusan tertinggi untuk terus membudayakan inovasi melalui tagline "KAMPAR BERINOVASI".



## PENGAUDITAN PERINGKAT PERTAMA PENSIJILAN ISO 14001:2015 SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR

25 November 2025 (Selasa)  
Auditorium, MDKpr

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah melaksanakan Audit Peringkat Pertama bagi Pensijilan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (SPAS) - ISO 14001:2015 sebagai sebahagian daripada komitmen organisasi untuk meningkatkan kecekapan pengurusan alam sekitar, pematuhan undang-undang serta usaha ke arah kelestarian dalam operasi harian.

Audit ini telah dijalankan oleh En. Muhammad Zulfadhli bin Mohd Jamal, Juruaudit Bertauliah dari Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH). Pembukaan Mesyuarat Audit telah disempurnakan oleh Yang Berusaha TPr Mohamad Hisham bin Hashim, Pegawai Tadbir Jabatan Perancang Bandar yang menjalankan tugas Setiausaha mewakili Tuan YDP dan dihadiri oleh barisan Ketua Jabatan MDKpr dan Ahli-ahli Jawatankuasa SPAS. Semakan dokumen dan lawatan ke stor yang menggunakan bahan kimia telah dijalankan oleh auditor bagi melihat kesediaan MDKpr untuk mendapatkan pensijilan ISO ini. Program Audit Peringkat Pertama ini telah berjalan dengan lancar dan memenuhi tujuan verifikasi awal Sistem Pengurusan Alam Sekitar MDKpr. Hasil audit menunjukkan *No Area of Concerns (AOC)* yang dibentangkan oleh auditor dan menunjukkan bahawa MDKpr berada pada landasan yang betul menuju ke arah pensijilan penuh ISO 14001:2015.A

Dengan tindakan penambahbaikan yang disyorkan oleh auditor, MDKpr dijangka bersedia untuk melalui Audit Peringkat Kedua dalam masa terdekat sebagai komitmen berterusan terhadap kelestarian alam sekitar dan pembangunan mampan di daerah Kampar.



## PENGAUDITAN PERINGKAT KEDUA PENSIJILAN ISO 14001:2015 SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR



10 dan 11 Disember 2025 (Rabu dan Khamis)  
Auditorium MDKpr

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah melaksanakan Audit Peringkat Kedua bagi Pensijilan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (SPAS) - ISO 14001:2015 sebagai sebahagian daripada komitmen organisasi untuk meningkatkan kecekapan pengurusan alam sekitar, pematuhan undang-undang serta usaha ke arah kelestarian dalam operasi harian. Audit ini telah diketuai oleh En. Lawrence Caesar Chau, Juruaudit Bertauliah dari Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dan dibantu oleh En. Navin A/L Baskram.

Pembukaan Mesyuarat Audit telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Tuan Ahmad Suqairy bin Alias, Yang Dipertua dan dihadiri oleh barisan Ketua Jabatan MDKpr dan Ahli-ahli Jawatankuasa SPAS. Sepanjang pengauditan berlangsung, pasukan auditor telah menjalankan semakan menyeluruh terhadap pelaksanaan proses dan dokumentasi, serta memberikan maklum balas yang signifikan bagi penambahbaikan berterusan. Semakan dokumen dan lawatan ke 4 buah stor yang menggunakan bahan kimia juga turut dijalankan oleh panel auditor bagi melihat kesediaan MDKpr untuk mendapatkan pensijilan ISO ini.

Program Audit Peringkat Kedua ini telah berjalan dengan lancar dan memenuhi tujuan verifikasi bagi Pensijilan Sistem Pengurusan Alam Sekitar MDKpr. Hasil audit menunjukkan 3 *Opportunity For Improvements (OFI)* yang dibentangkan oleh panel auditor dan menunjukkan bahawa MDKpr berjaya memperoleh pensijilan penuh ISO 14001:2015. Dengan tindakan penambahbaikan yang disyorkan oleh auditor, MDKpr dijangka menerima Pensijilan ISO 14001: 2015 pada bulan Januari 2026.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada seluruh warga kerja Majlis Daerah Kampar yang telah memberikan kerjasama penuh sepanjang sesi pengauditan ini berlangsung.

# PROGRAM SEMARAK PELANCONGAN BERSAMA YB EXCO PELANCONGAN, INDUSTRI, PELABURAN DAN PEMBANGUNAN KORIDOR NEGERI PERAK KE DAERAH KAMPAR

**15 Julai 2025 (Selasa)**  
**Daerah Kampar**

**YB** Tuan Loh Sze Yee selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Industri, Pelaburan, dan Pembangunan Perak bersama YB Puan Angeline Koo Hai Yen, ADUN Keranji, Puan Zuraida binti Md Taib, Pengurus Besar Tourism Perak dan TPr Muhamad Hisham bin Hashim, Setiausaha Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah hadir ke Program Semarak Pelancongan Bersama YB Exco Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Negeri Perak ke Daerah Kampar yang melibatkan lawatan ke dua lokasi pelancongan baharu iaitu Muzium Pelombongan Bijih Timah Kinta dan Air Terjun Batu Berangkai. Turut hadir bersama dalam program ini ialah pegawai-pegawai daripada Tourism Perak, Pejabat Daerah dan Tanah Kampar, Majlis Daerah Kampar serta Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Batu Berangkai.

Program ini bertujuan untuk mengenalpasti potensi pembangunan pelancongan setempat khususnya dalam aspek ekopelancongan serta memperkukuhkan kesedaran terhadap pemeliharaan alam semula jadi dan pemuliharaan warisan sejarah perlombongan di daerah Kampar.

Program ini telah membuka ruang kerjasama strategik antara agensi kerajaan dan pihak berkepentingan dalam usaha memperkasa sektor pelancongan daerah Kampar melalui pendekatan yang inklusif, mampan dan berpaksikan nilai warisan.



## PROGRAM GLOW NIGHT RUN 2

**19 Julai 2025 (Sabtu)**  
**Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) Kampar.**

**P**enganjuran *World Triathlon Regional Development Cup* dan *Asia Triathlon Junior Cup 2025* turut dimeriahkan dengan program santai *Glow Night Run 2* pada sebelah malam. Pelepasan *Glow Night Run 2* telah disempurnakan oleh Tuan Ahmad Suqairy bin Alias, Yang Dipertua MDKpr. Sambutan dimeriahkan dengan penyertaan daripada warga Kampar dan peserta luar lengkap dengan kostum serta hiasan warna-warni yang menerangi suasana malam di Kampus Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) Kampar.



## PELANCONGAN



# PROGRAM WORLD TRIATHLON REGIONAL CUP DAN ASIA JUNIOR CUP 2025

**19 Julai 2025 (Sabtu)**  
**Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) Kampar.**

Kejohanan *World Triathlon Regional Cup* dan *Asia Junior Cup 2025* telah berjaya dianjurkan bagi kategori *Junior Elite* dan *Regional* melibatkan atlet lelaki dan perempuan dengan menghimpunkan lebih 200 orang atlet daripada 23 negara termasuk daripada Malaysia, Indonesia, Kazakhstan, Singapura, Vietnam, Filipina, Korea Selatan, Macau, Qatar, Iran, Thailand, Palestine, Jordan, Turkey, Uzbekistan, Chinese Taipei, India, Kyrgyzstan, Kenya, Hong Kong, Jepun, Australia dan Thailand.

Kejohanan ini melibatkan tiga disiplin sukan utama iaitu renang, berbasikal dan larian dan merupakan sebahagian daripada proses pemilihan atlet Kebangsaan bagi persiapan ke Sukan SEA 2025. Selain itu, ianya berperanan penting dalam pengumpulan mata kelayakan ke Sukan Olimpik 2028 khususnya bagi atlet remaja yang sedang meningkat naik.

Program ini dianjurkan oleh Persatuan Triathlon Negeri Perak dengan kerjasama Majlis Daerah Kampar (MDKpr), dan merupakan penganjuran kali kedua, sejak tahun 2024 merupakan acara tahunan tetap di Daerah Kampar selaras dengan usaha memperkukuh kedudukan Kampar sebagai hub pelancongan sukan.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat YB Tuan Loh Sze Yee, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Negeri Perak, YB Puan Angeline Koo Haai Yen, ADUN Keranji, YB Puan Shasha Veraiah, ADUN Mallim Nawar, YDH Toh Muda Orang Kaya Kaya, Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja Encik Azman bin Dato' Seri Yeop Junior, Orang Besar Jajahan Kampar, Encik Mohd Fauzan bin Baharuddin, Wakil Tourism Perak, Dr. Alex Khoo Peng Chuan, Presiden Persatuan Triathlon Negeri Perak selaku penganjur program dan Tuan Ahmad Suqairy bin Alias, Yang Dipertua MDKpr sebagai penganjur bersama program ini. Tahniah kepada semua pemenang.



## FAMILIARIZATION TRIP SEMENA PROGRAM WORLD TRIATHLON REGIONAL CUP DAN ASIA JUNIOR CUP 2025

**20 Julai 2025 (Ahad)**  
**Daerah Kampar**

Majlis Daerah Kampar dengan kerjasama Persatuan Triathlon Negeri Perak telah mengadakan Program Familiarization Trip ke destinasi menarik di Daerah Kampar. Familiarization trip ini melibatkan para atlet dari beberapa buah negara seperti Qatar, Filipina, Hong Kong, Jordan, Kazakhstan, Iran dan Thailand.

Tujuan program ini adalah untuk mempromosikan produk - produk pelancongan yang terdapat di Daerah Kampar. Antara destinasi tumpuan kunjungan peserta program tersebut adalah Gua Tempurung, Muzium Bijih Timah Kinta dan Ilham Seni@Kampar di sepanjang lorong belakang Jalan Gopeng – Jalan Idris. Pihak Majlis berharap melalui program ini dapat menjadikan sektor pelancongan terus kekal relevan dan dapat menarik lebih ramai pengunjung ke Daerah Kampar.

## PELANCONGAN

MALAYSIAN CULTURE & LANGUAGE IMMERSION PROGRAMME (M-CLIP) 2025



# MALAYSIAN CULTURE & LANGUAGE IMMERSION PROGRAMME (M-CLIP) 2025

**28 Julai 2025 (Isnin)  
 Kampar**

**M**ajlis Daerah Kampar menjadi penganjur bersama Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), Majlis Perbandaran Taiping (MPT) dan Majlis Perbandaran Manjung (MPM) untuk *Malaysian Culture and Language Immersion Program (M-CLIP) 2025* pada 26 Julai hingga 2 Ogos 2025.

Seramai lebih 30 peserta antarabangsa yang terdiri daripada China, Korea Selatan, Filipina, Vietnam, Chinese Taipei dan Kenya menyertai program ini dengan semangat tinggi untuk mengenali budaya, bahasa dan keindahan alam semula jadi Malaysia secara lebih dekat.

Peserta memulakan pengembaraan mereka di Gua Tempurung, salah satu gua batu kapur terbesar di Semenanjung Malaysia. Di sini, mereka diberi peluang menjelajah formasi batu semula jadi yang menakjubkan sambil didedahkan kepada sejarah geologi dan khazanah alam sekitar tempatan.

Seterusnya, peserta menerokai keunikan Ladang Teh Gaharu HOGA di Gopeng. Mereka belajar tentang penanaman pokok gaharu secara organik, proses penghasilan teh gaharu serta khasiat dan nilai tinggi gaharu dalam industri kesihatan dan pelancongan. Aktiviti ini turut memberi ruang untuk interaksi secara langsung dengan alam semula jadi.

Kehadiran wakil dari Sekretariat *Tourism Promotion Organization for Global Cities (TPO)* turut memeriahkan lagi suasana, sekali gus menandakan sokongan dan pengiktirafan antarabangsa terhadap Daerah Kampar sebagai destinasi ekopelancongan yang berpotensi tinggi.



## PELANCONGAN

12TH TOURISM PROMOTION ORGANIZATION FOR GLOBAL CITIES (TPO) GENERAL ASSEMBLY DI HO CHI MINH CITY, VIETNAM



# 12TH TOURISM PROMOTION ORGANIZATION FOR GLOBAL CITIES (TPO) GENERAL ASSEMBLY DI HO CHI MINH CITY, VIETNAM

### 3 - 5 September 2025 Ho Chi Minh City, Vietnam

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) selaku ahli *Tourism Promotion Organization for Global Cities (TPO)* telah menghadiri 12th TPO General Assembly yang berlangsung di Ho Chi Minh City, Vietnam.

Persidangan ini telah dihadiri oleh YBhg. Tuan Ahmad Suqairy bin Alias, Yang Dipertua MDKpr dan diiringi oleh Encik Syaiman bin Muhammad Salleh Yap daripada Unit Perhubungan Korporat dan Pelancongan. Beberapa siri mesyuarat, perbincangan dan program telah disertai antaranya:

#### 3 September 2025 (Rabu)

1. 45th Executive Committee Meeting
2. Forum 1: *Digital Innovation for Sustainable Urban Tourism Futures*
3. Vietnam Night

#### 4 September 2025 (Khamis)

1. *International Tourism Expo (ITE) 2025 dan High-Level Tourism Forum*
2. *Leaders' Conference*
3. TPO Night

#### 5 September 2025 (Jumaat)

1. Case Presentation of TPO Member
2. Bilateral Meeting bersama Delagasi Samarkand, Uzbekistan
3. Plenary Session
4. Farewell Dinner

Melalui persidangan ini, MDKpr telah mengukuhkan jalinan hubungan strategik di peringkat antarabangsa bersama bandar-bandar lain ahli TPO.



## PELANCONGAN

PROGRAM RANDUK FOR LAMPAM VOLUME 4.0



# PROGRAM RANDUK FOR LAMPAM VOLUME 4.0

### 06 September 2025 (Sabtu) Camping Site Atok Gonen, Gopeng

Program *Randuk for Lampam Volume 4.0* telah berjaya dilaksanakan di Camping Site Atok Gonen, Gopeng dengan penyertaan seramai lebih kurang 120 orang peserta yang hadir dari seluruh Semenanjung Malaysia serta turut disertai peserta antarabangsa dari Singapura dan Amerika Syarikat. Program *Randuk for Lampam Volume 4.0* ini telah dirasmikan oleh YDH Toh Muda Orang Kaya Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja Tuan Azman bin Dato' Seri Yeop Junior, Orang Besar Jajahan Kampar dan turut dihadiri oleh YBhg. Encik Emmiza Hasmi bin Zul, wakil kepada YB Encik Mohd Azlan Helmi bin Helmi, Tuan Muhamad Sharul Nizam bin Shuhaimi, wakil kepada Pegawai Daerah Kampar, YBhg. Tuan TPr. Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah PLAN Malaysia Negeri Perak, YBrs. Tuan TPr. Muhamad Hisham bin Hashim, Pegawai Tadbir (Perancang) Yang Menjalankan Tugas Setiausaha Majlis Daerah Kampar, Ketua – Ketua dan Wakil Jabatan Persekutuan, Negeri dan Daerah, Ahli – Ahli Majlis dan Ketua – Ketua Jabatan Majlis Daerah Kampar.

Bagi memastikan kelancaran program, peserta telah dibahagikan kepada enam kumpulan mengikut zon yang ditetapkan. Setiap kumpulan menjalani aktiviti meranduk Sungai Kampar dengan purata jarak sejauh 1.3 kilometer. Sepanjang aktiviti, para peserta bukan sahaja diuji dari aspek fizikal dan kemahiran, malah berpeluang menikmati suasana semula jadi Sungai Kampar yang menjadi tarikan utama kawasan ini.

Komponen utama program ini ialah cabaran menangkap ikan lampam. Semua hasil tangkapan peserta akan diukur menggunakan pita pengukur rasmi penganjur dan penentuan pemenang dibuat berdasarkan ikan terbesar yang berjaya ditangkap



Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan baik serta mencapai objektifnya untuk memperkenalkan Sungai Kampar sebagai lokasi rekreasi berasaskan Sungai, menghimpunkan peserta dari dalam dan luar negara dan memelihara tradisi rekreasi tempatan.

Penganjuran *Randuk For Lampam Volume 4.0* ini telah dianjurkan bersama Persatuan Pemancing Layang Negeri Perak dan rakan strategik Majlis Daerah Kampar, PLAN Malaysia Negeri Perak, pihak penaja & komuniti pemancing layang.



# MAJLIS PERASMIAN GALERI WARISAN THYE SENG 105

02 Oktober 2025 (Khamis)  
 105, Jalan Gopeng, Kampar.

Majlis Daerah Kampar (MDKpr), Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Selatan (PPDKS) dan pemilik Galeri Warisan Thye Seng 105 telah mengadakan Majlis Perasmian Galeri Warisan Thye Seng 105 bertempat di 105, Jalan Gopeng, Kampar.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YDH Toh Muda Orang Kaya Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja Encik Azman bin Dato' Seri Yeop Junior, Orang Besar Jajahan Kampar. Ia turut dihadiri oleh YB Angeline Koo Hai Yen - ADUN Keranji, YBr. Tuan Ahmad Suqairy bin Alias - Yang Dipertua MDKpr, YBr. Encik Mohd Sharif bin Ibrahim - Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Kinta Selatan (Menengah dan Tingkatan 6), YBr. Encik Phan Ming Ruey dan Encik Phan Ming Yen - Pengasas Bersama Galeri Warisan Thye Seng 105, wakil-wakil agensi daripada Persekutuan, Negeri dan Daerah, Ketua-ketua Jabatan MDKpr, serta ibu bapa dan penerima bantuan.

Majlis ini bukan sahaja menandakan pembukaan Galeri Warisan yang baharu, malah turut menjadi simbol usaha memelihara sejarah serta memperkukuh identiti Kampar sebagai sebuah bandar berbudaya, bersejarah dan bernilai warisan. Dalam masa yang sama, galeri ini juga diperkenalkan sebagai salah satu produk pelancongan baharu di Daerah Kampar.

Majlis Daerah Kampar mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat serta para tetamu jemputan yang memeriahkan majlis ini. Semoga usaha ini terus menjadi inspirasi untuk kita sama-sama menghargai dan melestarikan warisan di Daerah Kampar.



# SESI PENGKISAHAN SEJARAH WARISAN KAMPAR BERSAMA MAHASISWA DAN MAHASISWI FAKULTI PERHUTANAN DAN ALAM SEKITAR, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)



22 Disember 2025 (Isnin)  
 Hotel De Cassia, Kampar

Sebahagian daripada aktiviti akademik dan pengumpulan data lapangan melibatkan Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mengambil Kursus Pengurusan Pelancongan Warisan dan Komuniti. sebahagian daripada aktiviti akademik dan pengumpulan data lapangan melibatkan Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mengambil Kursus Pengurusan Pelancongan Warisan dan Komuniti.

Sesi ini diadakan bertujuan untuk mengumpul maklumat sejarah lisan serta mendokumentasikan kisah, pengalaman dan pengetahuan komuniti tempatan, khususnya berkaitan perkembangan, identiti dan nilai warisan Kampar, sebagai bahan rujukan dan pembelajaran akademik.

Sesi ini menampilkan tetamu jemputan istimewa iaitu Tuan Haji Abdul Karim bin Yahaya dan Encik Nor Hisham Bin Zulkiflee selaku wakil pendidik, Encik Norhisyam Mohd Arshad dan Encik Mohd Izazi Mohd Ali selaku wakil daripada Hos Komuniti Setempat Daerah Kampar, yang telah berkongsi kisah, fakta sejarah serta pengalaman berharga berkaitan warisan dan perjalanan sejarah Kampar.

Perkongsian ini bukan sahaja memberi pendedahan langsung kepada pelajar UPM, malah menyumbang kepada usaha pemeliharaan dan dokumentasi warisan tempatan agar terus dihargai dan diwarisi oleh generasi akan datang.

**PELANCONGAN**

# 2025 TPO CAPACITY BUILDING PROGRAM

**27 – 30 Oktober 2025**  
**Busan, Korea Selatan**

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah menyertai 2025 TPO Capacity Building Program yang berlangsung di Busan, Korea Selatan. Program anjuran *Tourism Promotion Organization for Global Cities (TPO)* ini memberi tumpuan kepada tema “*Workation*” yang merupakan satu konsep yang menggabungkan elemen kerja dan percutian bagi membentuk gaya hidup seimbang serta meningkatkan kesejahteraan dan produktiviti individu.

Sepanjang empat hari program ini, pelbagai sesi perbincangan, bengkel, dan lawatan lapangan telah dilaksanakan bagi memperkukuh kefahaman tentang konsep “*Workation*” serta penerapannya dalam konteks bandar pintar dan pelancongan lestari di peringkat global.

Penyertaan Majlis Daerah Kampar dalam program ini memberikan peluang besar untuk menimba ilmu dan pengalaman mengenai amalan terbaik bandar-bandar global dalam mengurus dan mempromosikan konsep *workation* sebagai satu bentuk pelancongan baharu. Ia juga membuka ruang kepada Kampar untuk meneroka potensi pelaksanaan inisiatif *Workation@Kampar* pada masa hadapan sebagai sebahagian daripada usaha menjadikan Kampar sebuah destinasi pelancongan lestari dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.



# THE 1ST GLOBAL CITY TOURISM SUMMIT 2025

**27 – 29 Oktober 2025**  
**Busan, Korea Selatan**

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah menyertai The 1st Global City Tourism Summit yang berlangsung di Paradise Hotel Busan, Korea Selatan. Program ini dianjurkan oleh Busan Metropolitan City, bersama *Tourism Promotion Organization for Global Cities (TPO)* dan Busan Tourism Organization, bertemakan “*Promoting Local Tourism and Culture through Innovation and Cooperation.*”

Dalam Mesyuarat Datuk Bandar / Yang Dipertua (*Mayor's Roundtable*), MDKpr turut menandatangani kenyataan bersama (*Joint Statement*) bersama perwakilan bandar global lain sebagai komitmen untuk memperkukuh dasar pelancongan berasaskan identiti tempatan, menggalakkan inovasi digital dan teknologi pintar dalam sektor pelancongan, membina jaringan kerjasama global yang inklusif dan menyokong pembangunan pelancongan lestari dan seimbang.

Penyertaan ini membuka peluang kepada Kampar untuk memperkukuh kedudukan sebagai bandar pelancongan mampan di peringkat antarabangsa, selain menjalin hubungan strategik bersama bandar ahli TPO dari seluruh dunia.



## PELANCONGAN

KEBERANGKATAN DYAM RAJA DIHILIR PERAK DARUL RIDZUAN KE LADANG TEH GAHARU HOGA, GOPENG



# KEBERANGKATAN DYAM RAJA DIHILIR PERAK DARUL RIDZUAN KE LADANG TEH GAHARU HOGA, GOPENG

**02 Disember 2025 (Selasa)**  
**Ladang Teh Gaharu HOGA, Gopeng**

**D**YAM Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan, Duli Yang Amat Mulia Raja Iskandar Dzulkarnain Ibni Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah, hari ini berkenan berangkat ke Program 2025 *IRF World Rafting Championship* dan Ladang Teh Gaharu HOGA, Gopeng dalam satu siri lawatan DYAM Tuanku ke destinasi pelancongan berasaskan alam semula jadi di Daerah Kampar.

Keberangkatan DYAM Tuanku turut diiringi Yang Mulia Raja Nabil Imran Abdul Aziz bin Raja Iskandar Dzulkarnain.

Turut hadir menyantuni keberangkatan Tuanku ialah Yang Berusaha Tuan Mohamad Kamil bin Mohamad Kasim, Pegawai Daerah Kampar; Yang Dihormati Toh Muda Orang Kaya Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar DiRaja Encik Azman bin Dato' Seri Yeop Junior, Orang Besar Jajahan Kampar; Yang Berhormat Tuan Tan Kar Hing, Ahli Parlimen Gopeng; Yang Berusaha Tuan Ahmad Suqairy bin Alias, Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar; Tuan Superintenden Mohd Nazri bin Daud, Ketua Polis Daerah Kampar serta pengurusan Ladang Teh Gaharu HOGA yang diwakili oleh Encik Ho Kwan Meng, Pengerusi HOGA, dan Encik Ho Chu Wei, Pengarah Besar HOGA.

Lawatan ini memberi pendedahan potensi sektor pelancongan berteraskan alam semula jadi di Daerah Kampar, khususnya dalam usaha memperkukuh pemeliharaan biodiversiti, merencanakan ekonomi setempat dan memperluaskan promosi pelancongan hijau seiring aspirasi Perak Sejahtera 2030 yang menekankan keseimbangan antara pembangunan dan pemuliharaan warisan semula jadi negeri.

Menurut pihak pengurusan *HOGA Gaharu Tea Valley Gopeng* Ladang Teh Gaharu HOGA, Gopeng bukan sahaja berfungsi sebagai lokasi rekreasi dan pendidikan, malah menjadi habitat kepada pelbagai spesies flora dan fauna tempatan. HOGA atau Holistic Gaharu ini berakar daripada penubuhan Gaharu Technologies pada tahun 1992. Dengan lebih 200,000 pokok Gaharu yang berusia sehingga 25 tahun serta statusnya sebagai ladang Gaharu organik pertama di Malaysia, kawasan ini kini muncul sebagai destinasi pelancongan yang menawarkan pengalaman alam semula jadi yang unik dalam suasana persekitaran yang sihat. Keadaan ini menjadikan HOGA sebuah aset pelancongan yang bernilai tinggi serta wajar dipelihara dan diperkembangkan.





## LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH PLANMALAYSIA KE P'KOPI DAN LADANG TEH GAHARU HOGA, GOPENG

**8 Disember 2025 (Isnin)  
 Kampar**

Majlis Daerah Kampar hari ini menerima kunjungan kerja daripada Ketua Pengarah PLANMalaysia, YBhg. Datuk TPr Dr. Alias bin Dr. Alias bin Rameli, yang berkenan mengadakan lawatan ke Daerah Kampar bagi meninjau potensi pembangunan pelancongan mampan serta perancangan ruang di kawasan setempat.


Keberangkatan beliau turut diiringi oleh YBhg. Dato' TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah PLANMalaysia Perak. Ketibaan delegasi disambut oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar, Tuan Ahmad Suqairy bin Alias, bersama ketua-ketua jabatan serta wakil pengurusan destinasi lawatan.

Lawatan dimulakan di P'Kopi, sebuah kafe berkonsepkan komuniti yang semakin mendapat perhatian sebagai lokasi tumpuan baharu di Kampar. Delegasi diberi penerangan mengenai pengoperasian kafe, konsep pembangunan berasaskan komuniti serta peranannya dalam menyokong ekonomi setempat sebagai salah satu tarikan pelancongan ringan di Daerah Kampar.

Seterusnya, rombongan meneruskan lawatan ke Ladang Teh Gaharu HOGA, dengan tumpuan khusus kepada Galeri Gaharu dan Kedai/Lobi HOGA. Delegasi diberikan taklimat berhubung sejarah penubuhan HOGA, perkembangan industri gaharu, penghasilan produk berasaskan gaharu serta usaha-usaha berkaitan pemeliharaan alam dan pendidikan eko-pelancongan di kawasan tersebut.

Lawatan kerja ini memberi peluang kepada pihak PLANMalaysia untuk meneliti peranan destinasi-destinasi ini dalam memperkukuh pembangunan pelancongan setempat melalui perancangan fizikal yang teratur dan berdaya saing, selaras dengan identiti Kampar sebagai destinasi eko-pelancongan negeri Perak.

Majlis Daerah Kampar merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Datuk TPr Dr. Alias bin Rameli dan YBhg. Dato' TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain atas kesudian mengadakan lawatan kerja ini. Semoga jalinan kerjasama strategik tersebut terus diperkukuh dalam usaha menyokong pembangunan mampan Daerah Kampar selaras aspirasi Perak Sejahtera 2030.



## LAWATAN PENANDAARASAN JKKP MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM KE MAJLIS DAERAH KAMPAR

**10 Julai 2025 (Khamis)**  
**Auditorium, MDKpr**

Lawatan Penandaarasan Majlis Daerah Sabak Bernam ke Majlis Daerah Kampar (MDKpr) yang diketuai oleh En. Mohd Mohd Azreen Bin Ariffin, Setiausaha MDSB bersama Biro JKKP, MD Sabak Bernam telah disambut dengan barisan Biro JKKP MDKpr. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mempelajari dan mengetahui lebih lanjut tentang Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP), Amalan Terbaik KKP dan Dokumentasi JKKP yang diamalkan oleh MDKpr.

Taklimat telah disampaikan oleh En. Mohd Izham bin Ahmad, Setiausaha JKKP, MDKpr berkaitan Pengurusan KKP, Pensijilan ISO 45001:2018, Dokumen Audit dan program-program KKP yang dijalankan.

Semoga perkongsian ilmu dan pengalaman berkaitan Pengurusan KKP ini dapat membantu kedua-dua agensi kerajaan ini untuk terus berjaya dan mengamalkan segala aspek KKP di tempat kerja.



## LAWATAN PENANDAARASAN EKSA OLEH AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT WILAYAH UTARA MALAYSIA KE MAJLIS DAERAH KAMPAR

**08 Ogos 2025 (Jumaat)**  
**Auditorium, MDKpr**

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah menerima lawatan penandaarasan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dari pihak Akademi Bomba dan Penyelamat Wilayah Utara Malaysia yang diketuai oleh En. Mohd Tajul Nizam bin Abdul Azam, Penolong Kanan Penguasa Bomba. Lawatan ini disertai oleh seramai 11 orang pegawai yang terdiri daripada barisan pengurusan EKSA Akademi Bomba dan Penyelamat.

Sesi lawatan dimulai dengan pembentangan taklimat pelaksanaan EKSA di MDKpr yang disampaikan oleh Encik Mohd Izham bin Ahmad, Pegawai Tadbir Jabatan Kesihatan Awam merangkap Penyelaras EKSA MDKpr. Delegasi turut dibawa melawat ke beberapa buah zon EKSA bagi tujuan pendedahan praktikal. Tujuan lawatan ini adalah untuk mendapatkan gambaran lebih jelas mengenai pelaksanaan EKSA yang telah dilaksanakan di MDKpr, khususnya sebagai rujukan dalam memperkasakan pelaksanaan EKSA di institusi akademi.

Pihak MDKpr amat berbesar hati menerima kunjungan ini dan berharap segala input serta perkongsian yang diberikan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam memperkukuh budaya kerja cemerlang berteraskan prinsip EKSA.



## LAWATAN

LAWATAN PEMBELAJARAN INISIATIF ALAM SEKITAR, SOSIAL & TADBIR URUS (ESG) OLEH KEMENTERIAN KERJA RAYA KE MAJLIS DAERAH KAMPAR

# LAWATAN PEMBELAJARAN INISIATIF ALAM SEKITAR, SOSIAL & TADBIR URUS (ESG) OLEH KEMENTERIAN KERJA RAYA KE MAJLIS DAERAH KAMPAR

**15 Ogos 2025 (Jumaat)**  
**Auditorium, MDKpr**

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) menerima lawatan rasmi daripada delegasi Kementerian Kerja Raya (KKR) yang diketuai oleh Tuan Shahrul Affendi bin Baharudin, Timbalan Setiausaha Bahagian Perancang Jalan.

Lawatan ini bertujuan meninjau pelaksanaan inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) di peringkat PBT, serta memperkukuh kerjasama strategik antara KKR dan MDKpr.

Program dimulakan dengan taklimat berkaitan Inisiatif Pembangunan Mampan dan Pelan Bandar Pintar Kampar 2030, diikuti lawatan lapangan ke Jalan Persekutuan 1 bagi melihat impak pembangunan infrastruktur terhadap perniagaan, pelancongan dan hubungan antara kawasan.

Perbincangan dua hala turut diadakan bagi meneroka integrasi prinsip ESG dalam pembangunan infrastruktur negara selari dengan matlamat pembangunan mampan.



# LAWATAN PENANDAARASAN EKSA KE JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) NEGERI PERAK



**22 Ogos 2025 (Jumaat)**  
**Jabatan Akauntan Negara (ANMN) Negeri Perak**

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah mengadakan lawatan penandaarasan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Perak. Lawatan ini telah diketuai oleh En. Mohd Izham bin Ahmad, Pegawai Tadbir Jabatan Kesihatan Awam merangkap Penyelaras EKSA MDKpr, bersama barisan ahli Jawatankuasa Induk EKSA MDKpr.

Delegasi MDKpr telah disambut mesra oleh Pengarah JANM Negeri Perak, Puan Noorakmar binti Hussin, diikuti dengan sesi ucapan aluan serta taklimat ringkas berkaitan pelaksanaan EKSA di jabatan tersebut. Seterusnya, rombongan turut dibawa melawat ke ruang kerja bagi meninjau amalan terbaik EKSA yang dilaksanakan di JANM.

Lawatan ini menjadi platform penting dalam perkongsian pengalaman serta pertukaran idea bagi memperkukuh keberkesanan pelaksanaan EKSA di kedua-dua pihak. Pihak MDKpr merakamkan penghargaan atas sambutan mesra dan kerjasama yang diberikan oleh pihak JANM Negeri Perak sepanjang lawatan ini berlangsung.

# KUNJUNG HORMAT YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH KAMPAR KE PEJABAT PEGAWAI DAERAH KAMPAR

**27 Ogos 2025 (Rabu)**  
**Pejabat Pegawai Daerah Kampar**

**T**uan Ahmad Suqairy bin Alias, Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Pegawai Daerah Kampar.

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan kerjasama strategik antara Majlis Daerah Kampar dengan Pejabat Daerah Kampar dalam usaha memperkukuhkan pentadbiran serta penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat setempat.

Pelbagai isu dan agenda pembangunan yang memberi manfaat kepada Daerah Kampar telah dibincangkan termasuk aspek perancangan bandar, kelestarian alam sekitar, pembangunan ekonomi tempatan, serta inisiatif kebajikan masyarakat.

Lawatan ini diadakan adalah sebagai simbolik kepada komitmen bersama dalam menjayakan agenda pembangunan daerah yang mampan dan berdaya huni.



# LAWATAN FIZIKAL PENGAUDITAN MALAYSIAN INDUSTRIAL SAFETY AND HEALTH ASSOCIATION (MISHA) BAGI SESI AUDIT MISHA ASIA EXCELLENCE AWARDS ON OSH PRINCIPLE OF PREVENTION (OSHPoP) 2025

**03 September 2025 (Rabu)**  
**Auditorium, MDKpr**

**M**alaysian Industrial Safety and Health Association (MiSHA) telah melaksanakan sesi pengauditan fizikal bagi MISHA Asia Excellence Awards on OSH Principle of Prevention (OSHPoP) bagi tahun 2025 ke Majlis Daerah Kampar (MDKpr). Pengauditan ini bertujuan menilai tahap pengamalan Prinsip Pencegahan dalam Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di MDKpr sama ada dari aspek dasar, pelaksanaan mahupun keberkesanan di lapangan.

Untuk makluman, lawatan penilaian ini merupakan penyertaan tahun ke-2 yang disertai oleh MDKpr. Anugerah ini dinilai berdasarkan amalan terbaik melalui prinsip-prinsip pencegahan dan kawalan risiko di tempat kerja bagi memastikan persekitaran kerja yang selamat. Sebanyak tiga pencalonan anugerah telah disertai pada tahun ini melibatkan *MiSHA Asia Prime Awards (MPA) 2025*, *MiSHA Asia Excellence Award on Healthy Lifestyle at Workplace 2025* dan *MiSHA Asia Excellence Award on Sustainability Management 2025*.

Diharapkan dengan sesi ini, MDKpr layak merangkul pengiktirafan dalam MISHA Asia Excellent Award on OSHPoP 2025, seterusnya meningkatkan imej MDKpr sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang aktif membudayakan amalan KKP di tempat kerja.



# LAWATAN PENANDAARASAN KE MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

**30 September 2025 (Selasa)**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)**

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah mengadakan Lawatan Penandaarasan ke Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) Delegasi lawatan yang diketuai oleh En. Mohd Izham bin Ahmad, Pegawai Tadbir (Jabatan Kesihatan Awam) MDKpr merangkap Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) MDKpr bersama barisan Biro JKKP MDKpr telah berkesempatan bertemu dan bergambar dengan YBrs. Tn. Hj Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Taklimat telah disampaikan oleh En. Mohd Zaim bin Mohd Nor, Penolong Pengarah (Alam Sekitar), Unit Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (OSHE). Sesi lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan perkongsian berkaitan Pengurusan KKP yang diamalkan oleh MBPJ di samping melihat pembudayaan KKP yang dipraktikkan. Selain itu, lawatan pada hari ini turut melawat ke PJ *Smart Center* bagi melihat dan mempelajari Sistem Pengurusan Bandar Pintar MBPJ. Delegasi turut dibawa melawat ke Pusat Inovasi Kota Damansara serta PJ *Eco Recycling Plaza* sebagai pendedahan kepada inisiatif inovasi dan kelestarian yang dilaksanakan oleh MBPJ.

Semoga kerjasama antara kedua-dua pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ini akan diteruskan dan menjadi hubungan yang lebih erat bagi mempertingkatkan perkongsian ilmu dan pengalaman.



# KUNJUNGAN HORMAT BAHASA DARIPADA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KE MAJLIS DAERAH KAMPAR

**07 Oktober 2025 (Selasa)**  
**Auditorium, MDKpr**

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah menerima Kunjungan Hormat Bahasa daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia yang diketuai oleh Encik Hasanul Isyraf bin Mohammad, Perancang Bahasa.

Kunjungan ini bertujuan untuk memperkukuh penggunaan Bahasa Melayu dalam urusan rasmi, papan tanda dan komunikasi pentadbiran di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Inisiatif ini juga membuka ruang kerjasama strategik antara Majlis Daerah Kampar dan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan, khususnya melalui pelaksanaan pemantauan papan tanda awam dan bahan komunikasi rasmi menggunakan Bahasa Melayu yang betul.

Kunjungan ini mencerminkan komitmen bersama kedua-dua pihak dalam usaha berterusan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di semua peringkat pentadbiran dan masyarakat.

Pihak MDKpr amat berbesar hati menerima kunjungan ini dan berharap segala input serta perkongsian yang diperoleh dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam usaha memperkasakan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam pelaksanaan tugas dan urusan rasmi di Majlis Daerah Kampar.



## LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG KE PAUN SITAAN ANJING MAJLIS DAERAH KAMPAR



**13 November 2025 (Khamis)**  
**Auditorium, MDKpr**

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah menerima lawatan kerja daripada Majlis Perbandaran Manjung yang diketuai oleh Encik Fahrul Zulhairee bin Saharudin, Ketua Bahagian Penguatkuasaan. Lawatan ini disertai oleh seramai 11 orang pegawai yang terdiri daripada barisan anggota Bahagian Penguatkuasaan dan Jabatan Kejuruteraan.

Sesi lawatan dimulai dengan pembentangan taklimat berkenaan Prosedur Tangkapan & Pelupusan Anjing di MDKpr yang disampaikan oleh Encik Muhamad Syarafi Bin Mohd Said, Penolong Pegawai Penguat Kuasa MDKpr. Delegasi turut dibawa melawat ke kandang paun sitaan anjing terbiar dan kandang sitaan haiwan merayau milik MDKpr.

Tujuan utama lawatan adalah bagi meninjau amalan terbaik dalam pengurusan penyimpanan anjing terbiar dan haiwan merayau serta memperkukuhkan hubungan kerjasama antara Pihak Berkuasa Tempatan dalam aspek pengurusan anjing terbiar ke arah yang lebih baik dan lestari.

Pihak MDKpr amat berbesar hati menerima kunjungan ini dan berharap segala input serta perkongsian yang diberikan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam memperkukuh budaya kerja yang cemerlang.



## LAWATAN PEMBELAJARAN SEKOLAH RENDAH ISLAM AL UMMAH CHEMOR KE TAPAK PELUPUSAN DAN TAPAK KOMPOS MDKpr

**15 Disember 2025 (Isnin)**  
**Tapak Pelupusan dan Kompos**  
**Majlis Daerah Kampar (MDKpr).**

Seramai 40 orang pelajar dari Sekolah Rendah Islam Al Ummah Chemor telah mengadakan lawatan pembelajaran di Tapak Pelupusan dan Kompos Majlis Daerah Kampar (MDKpr). Sesi taklimat telah disampaikan oleh Puan Masrizza Lazarous, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan, dan Encik Muhammad Mahathir Azman, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dan dibantu oleh barisan anggota Jabatan Kesihatan Awam, MDKpr.

Delegasi berpeluang melihat sendiri penyediaan baja kompos yang dihasilkan dari sisa makanan yang dikumpulkan di Tapak Kompos. Seterusnya delegasi dibawa melihat pengurusan sampah yang dilupuskan di Tapak Pelupusan MDKpr. Semoga sesi lawatan ini sedikit sebanyak memberikan pendedahan dan kepentingan amalan kitar semula bagi memastikan kelestarian alam sekitar.





# LAWATAN PERKONGSIAN ILMU KE MAJLIS DAERAH MERSING (MDM)

20 November 2025 (Khamis)  
 Majlis Daerah Mersing (MDM), Johor.

Delegasi Majlis Daerah Kampar (MDKpr) hari ini telah mengadakan Lawatan Perkongsian Ilmu ke Majlis Daerah Mersing (MDM) yang telah disambut mesra oleh Yang Berusaha Tuan TPr Abdul Karim Bin Hj. Bakar, Yang Dipertua Majlis Daerah Mersing, TPr Kamarulzaman bin Tugiman, Pegawai Perancang Bandar MDM dan ketua-ketua jabatan/bahagian/unit MDM. Tujuan lawatan ini adalah untuk mendapatkan panduan, penanda aras dan amalan terbaik dalam penyediaan dokumentasi di bawah rangkaian *International Network of Sustainable Tourism Observatories (INSTO)*.

Sesi perkongsian ilmu yang berlangsung memberi tumpuan kepada struktur pelaksanaan, kaedah pengumpulan data, penggunaan indikator pelancongan lestari serta penyediaan dokumentasi berasaskan bukti bagi memenuhi piawaian INSTO di bawah inisiatif UN Tourism. MDKpr komited menjadi destinasi kedua bagi penjenamaan ini.

Turut bersama dalam lawatan ini ialah wakil daripada Bahagian Kerajaan Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak, Pejabat MOTAC Negeri Perak, Tourism Perak dan Pejabat Daerah dan Tanah Kampar (PDT Kampar), menjadikan lawatan ini lebih komprehensif serta mengukuhkan jaringan kolaborasi antara agensi negeri dan persekutuan.

Selain sesi perkongsian ilmu, delegasi turut berpeluang melawat Muzium Mersing dan Pulau Mawar, dua destinasi yang mencerminkan kekayaan warisan, biodiversiti dan kecantikan alam semula jadi Mersing sebagai destinasi pelancongan mampan.



## PERHIMPUNAN ANGGOTA

### MAJLIS PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL. 4/2025

27 Ogos 2025 (Rabu)  
Ara 2, Auditorium MDKpr

Majlis Perhimpunan Anggota Bil. 4/2025 telah diadakan pada 27 Ogos 2025 (Rabu) dengan jayanya dengan kehadiran Tuan Ahmad Suqairy Yang Dipertua MDKpr dan TPr Muhamad Hisham bin Hashim, PPT, Pegawai Tadbir b/p Setiausaha MDKpr. Turut hadir bersama ialah Ketua-Ketua Jabatan, Bahagian, Unit dan warga kerja MDKpr. Seramai 193 orang anggota telah menghadiri perhimpunan tersebut.

Majlis dimulakan dengan taklimat bertajuk 'Ringgit Dijaga Komuniti Sejahtera' daripada Bank Simpanan Nasional (BSN). Majlis diteruskan dengan ucapan Yang Dipertua MDKpr. Seterusnya, anggota MDKpr disajikan dengan tayangan Video Program MDKpr bagi tempoh sepanjang Januari hingga Jun 2025.

Majlis diteruskan lagi dengan Pelancaran Sambutan Bulan KKP Peringkat MDKpr 2025 yang dirasmikan oleh Yang Dipertua MDKpr.



Seterusnya, sesi penyampaian hadiah bagi pemenang Pertandingan Jom Kurus Bulan Pertama (Julai 2025). Agenda berikutnya merupakan sesi Pengenalan Anggota Baru iaitu Cik Ani Aznie binti Johari lantikan jawatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa JA5 secara kontrak. Majlis diteruskan lagi dengan Sesi Penghargaan bagi Perpindahan Anggota MDKpr ke Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Encik Muhammad Syahmi bin Hamdan. Selamat Maju Jaya dan selamat bertugas di tempat baharu kepada beliau.

Agenda Majlis diteruskan dengan Sambutan Persaraan Anggota bagi Encik Dzulkefli bin Mat Hasan. Sekalung penghargaan dan terima kasih atas khidmat bakti yang telah dicurahkan sebagai penjawat awam khususnya di MDKpr. Akhir sekali, Majlis ditutup dengan Sambutan Hari Kelahiran Anggota bagi Bulan Julai dan Ogos.

### MAJLIS PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL. 5/2025

10 November 2025 (Isnin)  
Ara 2, Auditorium MDKpr

Majlis Perhimpunan Anggota Bil. 5/2025 telah diadakan dengan jayanya dengan kehadiran TPr Muhamad Hisham bin Hashim, PPT, Pegawai Tadbir (Perancang) yang menjalankan tugas Setiausaha MDKpr. Turut hadir bersama ialah Ketua-Ketua Jabatan, Bahagian, Unit dan warga kerja MDKpr. Seramai 184 orang anggota telah menghadiri perhimpunan tersebut.

Majlis dimulakan dengan Taklimat Pencegahan Bahaya Litar Pintas Elektrik daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kampar. Majlis diteruskan dengan ucapan TPr Muhamad Hisham bin Hashim, PPT. Beliau merakamkan penghargaan kepada semua warga MDKpr atas komitmen dan kerjasama dalam penglibatan program dan aktiviti yang telah dianjurkan. Beliau memaklumkan hala tuju Majlis ke arah pensijilan MS ISO 14001:2015 Sistem Pengurusan Alam Sekitar. Pihak Majlis juga telah menghantar penyertaan dalam TPO Capacity Building Program 2025, Global City Tourism Summit 2025 dan Terengganu Smart City Activation Day 2025 dalam usaha memperkukuhkan jaringan antarabangsa dan perkongsian ilmu.



Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Puan Khumaizah binti Aziz atas pengurnian Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Tahun 2025 DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. Disamping itu, beliau menegaskan anggota MDKpr yang belum melengkapkan pendaftaran MyDigital ID supaya melengkapkan pendaftaran. Selain itu, kepentingan kakitangan kerajaan yang berintegriti dalam menjaga kerahsiaan maklumat semasa melaksanakan tugas sebagai penjawat.

Seterusnya, sesi tayangan video Program MDKpr bagi sepanjang Julai hingga Oktober 2025. Majlis juga diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan bersempena Sambutan Bulan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Peringkat MDKpr.

Akhir sekali, Majlis ditutup dengan Sambutan Hari Kelahiran Anggota bagi Bulan September dan Oktober.

### MAJLIS PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL. 6/2025



16 Disember 2025 (Selasa)  
Ara 2, Auditorium MDKpr

Majlis Perhimpunan Anggota Bil. 6/2025 telah diadakan dengan jayanya dengan kehadiran Tuan Ahmad Suqairy bin Alias, Yang Dipertua MDKpr dan TPr Muhamad Hisham bin Hashim, PPT., Pegawai Tadbir (Perancang) yang menjalankan tugas Setiausaha MDKpr. Turut hadir bersama ialah Ketua-Ketua Jabatan/Bahagian/Unit dan warga kerja MDKpr. Seramai 170 orang anggota telah menghadiri perhimpunan tersebut

Majlis dimulakan dengan ucapan penutup akhir tahun Yang Dipertua MDKpr, Tuan Ahmad Suqairy bin Alias. Seterusnya, anggota MDKpr disajikan dengan tayangan Video Program MDKpr bagi tempoh bulan November hingga Disember 2025. Majlis juga diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang Pertandingan Jom Kurus dan Pertandingan Kitar Semula EKSA. Anggota MDKpr turut diraikan dengan penyampaian sijil Anugerah Pencapaian Terpuji dan Anugerah Perkhidmatan Terampil bagi pencapaian Tahun 2024.

Akhir sekali, majlis ditutup dengan Sambutan Hari Kelahiran Anggota bagi bulan November dan Disember. Turut diraikan sambutan hari kelahiran bagi Yang Dipertua MDKpr.

Selamat Tahun Baharu 2026 dan semoga MDKpr melakar pencapaian dan kejayaan yang lebih cemerlang di masa akan datang.

## KELAB SUKAN MDKpr

### • Sukan Jabatan MDKpr 2025



**7 SEPT 2025**  
ARENA PEGAWAI DAERAH PEJABAT DAERAH & TANAH KAMPAR

Acara sepak takraw adalah merupakan salah satu acara yang dipertandingkan dalam Sukan Jabatan MDKpr. Hanya 3 pasukan sahaja yang menyertai acara ini dan pasukan Arcturus (Jabatan Kesihatan Awam MDKpr) telah muncut sebagai johan bagi pertandingan ini.








**7 SEPT 2025**  
ARENA PEGAWAI DAERAH PEJABAT DAERAH & TANAH KAMPAR  
BERMULA JAM 9.00 PAGI

Sebarang pertanyaan :  
Syawati 016 4577866  
Razli 017 9059002









**KEPUTUSAN PENUH SEPAK TAKRAW**

NO PLWN	PASUKAN	KEPUTUSAN PERLAWANAN	PASUKAN	PASUKAN	P	M	K	PATA	
1	ARCTURUS	2	LWN	1	CANOPUS	2	2	0	8
2	CANOPUS	2	LWN	1	VEGA	2	1	1	3
3	VEGA	0	LWN	2	ARCTURUS	2	2	2	0

1. PASUKAN SIRIUS & CENTAURI TIDAK PENYERTAAN PENYERTAAN

P : PERMAINAN M : MENANG K : KALAH

**TAKRAW**  
7 SEPTEMBER 2025 (AHAD)  
VENUE : ARENA PEGAWAI DAERAH, PDT KAMPAR

### • Senamrobik Sihat Cergas Siri 3



**BULETIN SUKAN**

**19 SEPT 2025**

Senamrobik Sihat Cergas Siri 3 adalah merupakan aktiviti kolaborasi antara JKPP MDKpr, Kelab Sukan MDKpr dan Kelab Kecergasan, Keharmonian Kampar. Aktiviti ini berlangsung di hadapan Kompleks Pentadbiran MDKpr dan dibuka penyertaannya kepada seluruh warga kerja MDKpr.




### • Bowling Persahabatan bersama Rakan Strategik Bank Rakyat



**BOLING PERSAHABATAN**  
BERSAMA RAKAN STRATEGIK

23 SEPTEMBER 2025  
@ 8.00 MALAM  
CHAMPION BOWL, TERMINAL PUTRA KAMPAR, PERAK

**PERTANDINGAN BOWLING**  
KEPUTUSAN RASMI

HIGHEST PIN LELAKI

- MOHD SAFRI (PPD KINTA SELATAN) 345
- NIK MOHAMAD ROSDI (TEAM GOLD STRIKE) 324
- MOHD HIZAM (KCP MAJLIS DAERAH KAMPAR) 323
- MUHAMAD AFIQ RUSYADI (MAJLIS DAERAH KAMPAR (A)) 318
- AHMAD ZUL AZREEN (MAJLIS DAERAH KAMPAR (A)) 317



**BANK RAKYAT**  
BANK PERKAMPARAN

**PERTANDINGAN BOWLING**  
KEPUTUSAN RASMI

KATEGORI KUMPULAN

- TEAM PERKEP 1308
- MAJLIS DAERAH KAMPAR (A) 1177
- TEAM GOLD STRIKE 1166
- PPD BTG PDG (A) 1042
- PPD KINTA SELATAN 1018
- KCP ANGGOTA MAJLIS DAERAH KAMPAR 1006
- SPARE TIME TEAMS 997
- PEJABAT DAERAH TANAH KAMPAR 980

Kelab Sukan MDKpr telah menghantar penyertaan ke pertandingan ini yang dianjurkan oleh Bank Rakyat Tapah. Penyertaan pasukan melibatkan pemain-pemain bakat baharu sebagai usaha Kelab Sukan untuk memberi pendedahan awal kepada ahli serta membina pengalaman kompetitif. Penyertaan ke pertandingan ini menghasilkan keputusan yang positif di mana salah satu daripada pasukan yang dihantar (MDKpr A) telah menduduki tempat kedua dalam acara berpasukan.

• Keputusan Perlawanan Persahabatan Bolasepak Kampar Miners

• Hari Keluarga MDKpr 2025 @ Lost World of Tambun

**FULLTIME**  
1 1  
ikmal player  
SELASA 9 SEPT 2025  
Pukul 08:00 AM - 09:30 PM

**KAMPAR MINERS**

**FULLTIME**  
3 0  
JUMAT 12 SEPT 2025  
8:45 MALAM  
STADIUM MALIS BERBANDARAN MANJUNG

KAMPAR MINERS telah terlibat di dalam beberapa siri perlawanan persahabatan sebagai sebahagian persiapan pasukan untuk menghadapi seingkat Liga Perdana Ipoh 2025/2026 dan Kejohanan Bolasepak Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) yang bakal berlangsung pada bulan November 2025. Melalui perlawanan persahabatan ini, pasukan dapat mengenalpasti kekuatan dan kelemahan di samping dapat memperbaiki aspek permainan sebagai persediaan menghadapi perlawanan sebenar.

**FULLTIME**  
4 1  
hairy wak asyraf player

**20 Family Day MDKpr**  
28 September 2025 (Ahad)  
LOST WORLD OF TAMBUN  
THEME PARK • HOTEL • HOT SPRINGS  
\*CABUTAN BERTUAH\* • \*GOODIES\*  
\*MINI BUFFET LUNCH\* • \*THEME PARK\*  
SUKANEEKA\*  
PAKLIAN (UNTUK MARI) ADALAH PERTANDINGAN KEPADA SYARIKAT GELARAN GOLF FROM LOST WORLD OF TAMBUN

**BULETIN SUKAN**

HARI KELUARGA MDKpr adalah merupakan acara diwi tahunan yang dianjurkan khusus buat warga kerja MDKpr dan keluarga. Bagi tahun 2025, program ini dianjurkan secara kotaberasi antara Pentadbiran MDKpr, Kelab Sukan MDKpr dan Koperasi Anggota-Anggota Majlis Daerah Kinta Selatan Kampar Bernas. Program telah berlangsung di Lost World Of Tambun, Ipoh. Pelbagai acara telah disusun bagi pengisian aktiviti termasuk sesi cabutan bertuah yang menawarkan hadiah wang tunai secara keseluruhannya berjumlah RM 15,000.00.

• Galeri Hari Keluarga MDKpr 2025 @ Lost World of Tambun



# KELAB SUKAN MDKpr

## • Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat MDKpr Tahun 2025



**10 OKT 2025**

Program sambutan telah berlangsung di Dewan Bandaran Kampar. Merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Kelab Sukan MD Kampar selari dengan agenda di peringkat nasional dengan tarikh sambutan dijalankan serentak di seluruh negara (10 - 12 Oktober 2025). Patibagai acara telah dirancang bagi memenuhi aktiviti sambutan seperti senamrobik, pertandingan karom, gair, congkak dan dam hari. Program berlangsung dengan jayanya dan telah mendapat sambutan yang amat menggalakan daripada warga kerja MD Kampar. Penghargaan program telah menyertakan semangat kesukanan dan dapat merapatkan ikatan silaturahmi di kalangan peserta.





• **Gaharu Trail Run 2025 @ Gaharu Tea Valley, Gopeng**



**1 NOV 2025**  
GAHARU TRAIL RUN 2025 adalah merupakan salah satu daripada pocket event yang dilaksanakan bersempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Perak. Acara ini dianjurkan oleh PLANMalaysia Perak (KESUBA) dan turut mendapat kerjasama daripada Majlis Daerah Kampar. Seramai 30 orang ahli kelab telah menyertai acara ini.



**GAHARU TRAIL RUN@GAHARU TEA VALLEY, GOPENG**



• **Pertandingan Badminton Anjuran Serdang Permai Next Level**



Kelab Sukan MDKpr telah menghantar ahli bagi menyertai Pertandingan Badminton Anjuran Serdang Permai Next Level. Pertandingan ini telah berlangsung pada 1 November 2025 di Dewan Badminton Lahat, Ipoh. Dalam pertandingan ini, Encik Johari dan Encik Haimool Azrien telah berjaya menduduki tempat ketiga pertandingan. Kelab Sukan MDKpr meraikan ucapan tahniah dan menyoakan agar kedua-dua pemain ini akan terus berjaya di lain-lain pertandingan yang disertai pada masa akan datang.



• **Keputusan Perlawanan Liga Perdana Ipoh 2025/2026**



**FULLTIME**

1 2  
Gol Scorer  
Gol Scorer

**KAMPAR MINERS VS SAN INDAH FC**

04.11.2025 | 1700 PM


PADANG TAMAN OR SEENIVASAGAM

KAMPAR MINERS telah memulakan kempen Liga Perdana Ipoh 2025/2026 dengan langkah kiri apabila tewas 1-2 kepada pasukan San Indah FC dalam perlawanan pertama liga. Perlawanan berlangsung sengit melibatkan dua pasukan dari Daerah Kampar. Walaupun tewas pada perlawanan pertama ini, diharapkan pemain tidak berputus asa dan terus kekal fokus menghadapi perlawanan liga seterusnya.



# KELAB SUKAN MDKpr

## Kejohanan Bolasepak Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) 2025



Pasukan Bolasepak Majlis Daerah Kampar telah menyertai Kejohanan Bolasepak Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) 2025. Kejohanan telah berlangsung di Iskandar Puteri, Johor Darul Takzim bermula 26 hingga 30 November 2025. Dengan mencatat 2 seri dan 1 kalah, saingan pasukan hanya sekadar di peringkat kumpulan sahaja pada kejohanan MALA kali ini.

# KELAB SUKAN MDKpr

## • Kejohanan Bolasepak 4 Penjuru bersempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia



Bersempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Perak yang diadakan di Daerah Kampar, Kelab Sukan MDKpr telah diberi mandat untuk melaksanakan pocket event sebagai pengisian acara sambutan. Antara acara yang dianjurkan adalah Kejohanan Bolasepak 4 Penjuru melibatkan penyertaan pasukan daripada kalangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak dan Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak. Kedua-dua acara ini telah berlangsung dengan jayanya di mana pasukan MD Batu Gajah telah muncul sebagai johan Kejohanan 4 Penjuru yang turut disertai oleh pasukan MD Kampar, MP Teluk Intan dan MD Perak Tengah. Majlis penyempulan hadiah telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah PLANMalaysia, Datuk Dr Alias Rameli dengan diiringi Pengarah PLANMalaysia Negeri Perak, Dato' TPr Gs. Mohamed Zamri dan Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar, Tuan Ahmad Suqairy.



## • Pertandingan Mewarna Kanak-kanak Kolaborasi bersama Tabika Kemas Daerah Kampar



**KELAB SUKAN MDKpr**

• **Perlawanan Persahabatan Pickleball Majlis Daerah Kampar menentang Majlis Daerah Muar**



**24 DIS  
2025**  
GRAND KAMPAR  
SPORT COMPLEX

Pickleball telah menjadi salah satu acara baru dan pilihan di kalangan ahli Kelab Sukan MDKpr untuk bersukan. Penglibatan ahli di dalam sukan ini amat menggalakkan dan satu perlawanan persahabatan telah dianjurkan melibatkan pasukan pickleball daripada Majlis Daerah Kampar menentang pasukan Majlis Daerah Batu Gajah. Perlawanan bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman serta dapat mengukur kemampuan pasukan yang baru ditubuhkan.



• **Keputusan Perlawanan Bolasepak Liga Perdana Ipoh**



Setelah tewas di perlawanan pertama, KAMPAR MINERS bangkit dengan kemenangan di tiga perlawanan berikutnya dan menghidupkan semula peluang pasukan untuk kembali mencabar kejuaraan Liga Perdana Ipoh. Adalah diharapkan agar pasukan terus konsisten dan mencapai kemenangan di perlawanan seterusnya.

LIGA PERDANA IPOH 2025/2026	<p><b>FULLTIME</b></p> <p>1 3</p> <p>player ikmal rai</p> <p><b>UNITYFC VS KAMPAR MINERS</b></p> <p>SELASA 23.12.2025   1700 PM</p> <p>PADANG TAMAN DR SEENIVASAGAM</p> <p>SPONSORED BY</p> <p>KELAB SUKAN MAJLIS DAERAH KAMPAR</p>	<p><b>FULLTIME</b></p> <p>1 6</p> <p>player hafizad amirulhakim azimfaris aliff izuan</p> <p><b>SMK ANDERSON VS KAMPAR MINERS</b></p> <p>SELASA 02.12.2025   1700 PM</p> <p>PADANG TAMAN DR SEENIVASAGAM</p> <p>SPONSORED BY</p> <p>KELAB SUKAN MAJLIS DAERAH KAMPAR</p>
	<p><b>FULLTIME</b></p> <p>3 4</p> <p>player ilmal hairy hijat hizam</p> <p><b>GMC FC VS KAMPAR MINERS</b></p> <p>ISNIN 15.12.2025   1700 PM</p> <p>PADANG TAMAN DR SEENIVASAGAM</p> <p>SPONSORED BY</p> <p>KELAB SUKAN MAJLIS DAERAH KAMPAR</p>	



# MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN DEEPAVALI MAJLIS DAERAH KAMPAR TAHUN 2025

**16 Oktober 2025 (Khamis)  
 Majlis Daerah Kampar**

**B**adan Kebajikan (BAKEB) Majlis Daerah Kampar telah mengadakan majlis penyerahan sumbangan sempena perayaan Deepavali kepada semua kakitangan yang beragama hindu.

Majlis telah diadakan di perkarangan ruang utama MDKpr pada jam 3.00 petang dan telah disempurnakan oleh Tuan Tpr. Muhamad Hisham bin Hashim, Setiausaha MDKpr bagi mewakili Tuan Yang Dipertua.

Seramai 14 kakitangan telah hadir bagi menerima sumbangan tersebut dan diharap sumbangan diberikan dapat membantu persediaan menghadapi perayaan Deepavali.



**BADAN KEBAJIKAN (BAKEB) MDKpr**

**PERTANDINGAN GUBAHAN BUAH-BUAHAN SEMPENA HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025.**



# PERTANDINGAN GUBAHAN BUAH-BUAHAN SEMPENA HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025

**08 Disember 2025 (Isnin)  
 Dewan Bandaran Kampar**

**B**adan Kebajikan (BAKEB) Majlis Daerah Kampar telah diberi kepercayaan untuk mengendalikan Pertandingan Gubahan Buah-buahan sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Perak 2025.

Pertandingan ini telah menarik minat seramai 13 kumpulan melibatkan 26 peserta. Penyertaan dibuka kepada penduduk sekitar Daerah Kampar.

Pertandingan dimulakan pada jam 10.00 pagi diperkarangan Dewan Bandaran Kampar dengan konsep gubahan buah-buahan untuk meja hidangan bertemakan 5 warna 5 rasa.

BAKEB merakamkan ucapan tahniah kepada peserta yang menang dan terima kasih kepada semua peserta yang telah menyertai pertandingan ini.



# KURSUS WORKING AT HEIGHT (WAH)

11 Ogos 2025 (Isnin)  
Auditorium, MDKpr

Unit Latihan, MDKpr dengan kerjasama Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, MDKpr telah menganjurkan Kursus *Working at Height (WAH)* pada 11 Ogos 2025 (Isnin). Seramai 19 orang peserta telah menghadiri kursus tersebut terdiri daripada Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Kesihatan Awam, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dan Bahagian Landskap dan Rekreasi. Kursus ini telah disampaikan oleh Encik Mohammad Zailan bin Haji Siwan dari SQC Management (Iph) Sdn. Bhd.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi kefahaman kepada peserta mengenai risiko dan bahaya yang berkaitan dengan kerja di tempat tinggi. Selain itu, untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang kepentingan melaksanakan langkah-langkah keselamatan dan prosedur kecemasan sekiranya berlaku kemalangan semasa bekerja di tempat tinggi. Seterusnya, untuk memberi pengetahuan kepada peserta tentang jenis-jenis alatan keselamatan dan cara pemakaian alatan keselamatan dengan betul. Ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak urus setia, penceramah dan peserta yang telah menjayakan kursus ini. Semoga para peserta dapat mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang diperoleh dalam tugas harian bagi mengelakkan kemalangan di tempat kerja.



# KURSUS ERGONOMIK DI TEMPAT KERJA



13 Ogos 2025 (Rabu)  
Auditorium, MDKpr

Unit Latihan, MDKpr dengan kerjasama Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, MDKpr telah menganjurkan Kursus Ergonomik di Tempat Kerja pada 13 Ogos 2025 (Rabu). Seramai 38 orang peserta telah menghadiri kursus tersebut terdiri daripada Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Kesihatan Awam, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Bahagian Sistem Maklumat, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Landskap dan Rekreasi dan Unit Pusat Setempat (OSC). Kursus ini telah disampaikan oleh Doktor Siew Qui Hen, Pegawai Perubatan dan Kesihatan UD14 dari Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Kangsar.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi pemahaman asas tentang konsep ergonomik di tempat kerja dan mengenalpasti faktor risiko ergonomik yang boleh menjejaskan kesihatan pekerja. Selain itu, untuk mempelajari teknik dan amalan terbaik untuk mencegah kecederaan berkaitan ergonomik. Ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak urus setia, penceramah dan peserta yang telah menjayakan kursus ini. Semoga dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh, diharapkan peserta dapat mengurangkan risiko kecederaan, meningkatkan keselesaan semasa bekerja, serta menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan kualiti kerja di jabatan masing-masing.



## KURSUS INTEGRITI DAN ETIKA KERJA BAGI ANGGOTA LANTIKAN BAHARU MAJLIS DAERAH KAMPAR (MDKpr)

08 Oktober 2025 (Rabu)  
Hotel De Cassia, Kampar

Unit Latihan MDKpr telah menganjurkan Kursus Integriti dan Etika Kerja bagi Anggota Lantikan Baharu MDKpr pada 8 Oktober 2025 (Rabu). Seramai 36 orang peserta telah menghadiri kursus tersebut terdiri daripada anggota lantikan baharu dari tahun 2022 sehingga tahun 2025. Kursus ini telah disampaikan oleh dua orang penceramah dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) iaitu Encik Yasir Muda bin Azizi, Perunding Latihan Kanan INTAN, M12 dan Encik Ikram bin Abdul Halim, Perunding Latihan INTAN, M9.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk meningkatkan kefahaman anggota lantikan baharu mengenai nilai-nilai integriti dan etika kerja dalam perkhidmatan awam. Selain itu, untuk mendedahkan anggota kepada garis panduan, peraturan dan tatakelakuan perkhidmatan awam yang perlu dipatuhi sepanjang tempoh perkhidmatan. Seterusnya, membentuk jati diri anggota yang berintegriti tinggi dan bebas daripada salah laku yang boleh memberi impak dan kesan negatif kepada individu dan organisasi.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak urus setia, penceramah dan peserta yang telah menayakan kursus ini. Diharap dengan penganjuran kursus ini dapat menerapkan nilai integriti dan etika kerja yang betul dalam diri setiap anggota lantikan baharu untuk dijadikan panduan utama dalam setiap tindakan dan keputusan dalam melakukan setiap pekerjaan yang diamanahkan.



## KURSUS PELUPUSAN FAIL DAN REKOD AWAM

25 – 26 Ogos 2025 (Isnin – Selasa)  
Hotel De Cassia, Kampar

Unit Latihan, MDKpr telah menganjurkan Kursus Pelupusan Fail dan Rekod Awam pada 25 – 26 Ogos 2025 (Isnin – Selasa). Seramai 33 orang anggota dari setiap Jabatan/ Bahagian/ Unit MDKpr telah menghadiri kursus tersebut. Kursus ini telah disampaikan oleh Encik Muhammad Heikal bin Mokhtar, Pembantu Arkib Kanan S2 dari Arkib Negara Malaysia Negeri Perak.

Objektif kursus bertujuan untuk memahami dan mengaplikasi konsep dan proses yang betul bagi pelupusan fail dan rekod awam dengan mematuhi prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Arkib Negara Malaysia. Selain itu, memahami dan mengaplikasi jenis borang dan tatacara pengisian borang pelupusan fail dan rekod awam dengan betul.

Semoga dengan penganjuran kursus ini dapat memberi pengetahuan asas dan kemahiran praktikal kepada peserta dalam mengurus, menyimpan, dan melupuskan fail serta rekod awam dengan cara yang sistematik dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan.




## LATIHAN PENYELAMATAN DAN PENGGUNAAN AED

14 Oktober 2025 (Selasa)  
Auditorium, MDKpr

Seramai 20 orang warga kerja Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah menyertai Latihan Penyelamatan dan Penggunaan AED yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bertempat di Auditorium, MDKpr. Latihan ini bertujuan untuk memperkasakan ilmu dan kemahiran asas pertolongan cemas khususnya dalam menangani situasi kecemasan seperti serangan jantung dan gangguan pernafasan.

Kursus ini memberi latihan praktikal dalam teknik CPR (*Cardiopulmonary Resuscitation*) dan penggunaan *Automated External Defibrillator* (AED) sebagai langkah awal menyelamatkan nyawa sebelum ketibaan bantuan perubatan profesional.



## KURSUS PENGUKUHAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI RASUAH

23 Oktober 2025 (Khamis)  
Hotel De Cassia, Kampar

Unit Latihan MDKpr telah menganjurkan Kursus Pengukuhan Governans, Integriti dan Anti Rasuah pada 23 Oktober 2025 (Khamis). Seramai 48 orang peserta telah menghadiri kursus tersebut terdiri daripada 14 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Perak. Kursus ini telah disampaikan oleh empat orang penceramah dan fasilitator dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Perak iaitu Encik Mohd Nor Ezrie bin Ahamad Nordin, Penolong Kanan Penguasa P6, Encik Huzairi Azmer bin Ramli, Penolong Penguasa P5, Encik Mohammad Fazi bin Norhisham, Penolong Penguasa P5 dan Puan Hasmamuniroh binti Dahyulen, Penolong Penguasa P5.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberikan pemahaman tentang kepentingan governans yang baik dalam sesebuah organisasi dan bagaimana ia menyumbang kepada prestasi dan kredibiliti organisasi tersebut. Selain itu, untuk memberi pendedahan tentang maksud integriti, kepentingannya dalam perkhidmatan awam serta kesan perbuatan tidak berintegriti kepada diri sendiri, keluarga, organisasi dan negara. Seterusnya, untuk memberikan pendedahan tentang cara-cara berkesan untuk menangani dan mengatasi isu rasuah, serta mengenali tanda-tanda rasuah dalam organisasi.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak urus setia, penceramah dan peserta yang telah menjayakan kursus ini. Diharapkan dengan penganjuran kursus ini dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam kepada peserta tentang pentingnya sistem pengurusan yang beretika, telus, dan bebas rasuah dalam organisasi.



# LATIHAN KEBAKARAN (FIRE DRILL)

17 November 2025 (Isnin)

Dataran Tempat Berkumpul, MDKpr

Unit Latihan, MDKpr dengan kerjasama pasukan *Emergency Response Team (ERT)* telah menganjurkan Latihan Kebakaran (*Fire Drill*). Latihan dimulakan dengan pengaktifan sistem penggera kebakaran sebagai simulasi kejadian kecemasan. Semua anggota MDKpr diarahkan untuk mengosongkan bangunan mengikut laluan keluar dan laluan kecemasan yang telah ditetapkan. Latihan ini telah dikendalikan oleh Encik Megat Mohamad Dahari bin Megat Jamaluddin, Pegawai Bomba Kanan II (PBK II) dan beberapa anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Kampar. Pihak bomba juga telah memberikan penerangan berkaitan situasi dan langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya berlaku kebakaran di dapur.



Tujuan latihan ini diadakan adalah untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan semua warga kerja dalam menghadapi situasi kecemasan sebenar. Selain itu, ia juga bertujuan memberi pendedahan kepada pasukan *Emergency Response Team* MDKpr dalam menghadapi sebarang kecemasan yang berkemungkinan berlaku di tempat kerja. Seterusnya, latihan ini turut membantu menilai keberkesanan sistem keselamatan seperti penggera kebakaran, laluan kecemasan dan peralatan pemadam api yang berada di bangunan MDKpr.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak urus setia, pihak bomba dan peserta yang telah menjayakan latihan ini. Semoga anggota MDKpr dapat menanam kesedaran berterusan mengenai kepentingan keselamatan, disiplin, dan tindakan pantas dalam menguruskan insiden kebakaran sekiranya berlaku pada masa hadapan.



# SESI LATIHAN REFRESHER & CHECKPOINT SISTEM MYPATIL DI MAJLIS DAERAH KAMPAR

15-16 Disember 2025 (Isnin-Selasa)  
Auditorium, MDKpr

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) dengan kerjasama Syarikat Gates IT Solution Sdn. Bhd. telah mengadakan Sesi Latihan Refresher dan Checkpoint Sistem Mypatil Ronda, Mypatil Web serta memahami modul Ronda Beta. Taklimat telah disampaikan oleh staf terlatih dari syarikat tersebut kepada anggota Jabatan Kesihatan Awam, Bahagian Penguatkuasa dan Unit Teknologi Maklumat, MDKpr.

Sesi praktikal turut dijalankan di sekitar Pekan Kampar bagi memastikan semua anggota yang menjalankan tindakan penguatkuasaan mahir dengan Mypatil Ronda.






# LOGO INISIATIF KEJIRANAN HIJAU MAJLIS DAERAH KAMPAR

## SIMBOLIK KEPADA WARNA

	BERINGAT
	BERSATU
	PEKA / KETUA
	SUBUR
	BIJAK
	SEMANGAT
	BERSIH

## VISUAL LOGO



## LOGO - INISIATIF KEJIRANAN HIJAU MDKpr

Cetusan idea yang diekstrak dengan menggunakan teknik "Gesture Drawing" daripada gabungan sebatang pokok beserta barangan yang biasa dibuang dan dikitar semula. Ditambah dengan kesinambungan warna-warna korporat telah berjaya mencetus SEBUAH LOGO yang mempamerkan KEMATANGAN dan sifat KETERBUKAAN MDKpr.

Bersifat Kekeluargaan - Batang pokok ibarat KETUA yang berdiri teguh dan akar-akar yang pelbagai saiz memasak ke bumi ibarat kumpulan KAKITANGAN yang bekerjasama menyokong batang pokok untuk berdiri teguh.

## KENAPA POKOK MENJADI ILHAM LOGO KITAR SEMULA ?

Watak POKOK itu sendiri bersifat kitar semula bermula proses tumbesaran sehingga ia mati. Konsep inilah yang diserapkan ke dalam LOGO KITAR SEMULA MDKpr. Barangan yang terpakai dikitar akan menjadi berguna dan memberi manfaat kepada kehidupan.

WARNA-WARNA KORPORAT MDKpr digarap dan diadun bersama-sama LOGO KITAR SEMULA MDKpr serta dimantapkan dengan terjemahan / simbolik bagi setiap warna.

## SIMBOLIK KEPADA POKOK

Sebatang pokok - Menghijau (Tanda kehidupan sesuatu tempat) teguh, kukuh berdiri dengan akar-akar yang memasak bumi. Melindungi bagi sebuah payung yang memberi perlindungan kepada kehidupan. Bermula dari proses tumbesaran, beroksigen, berdaun, berbunga, berbuah, kembali ke sebatang kayu yang mereput dan menjadi baja.



## 3 akar besar berbentuk kaki


Perpaduan yang kukuh hingga ke akar umbi. Tetap berdiri teguh walau digoncang. Sekiranya hanya ada 1 atau 2 kaki, ianya pasti lebih mudah bergoncang.

## Kaki pelbagai arah

Sentiasa bergerak menyahut wawasan.

## Tapak berwarna UNGU

Terhasil daripada campuran warna Biru dan Merah melambangkan gabungan idea yang mantap mampu menghasilkan sesuatu di luar kotak fikiran dan berjaya mencipta kejayaan yang luarbiasa. Kedudukan tapak dari bawah membawa makna "Kejayaan bermula dari bawah" walau sudah berdiri teguh ia sentiasa berpijak di bumi nyata. (Sentiasa merendah diri)



Lingkungan Bahaya Kesan Buruk Jika Tidak Dijaga atau Dihiraukan

Kuning Masyarakat Peka

Muafakat Jaga Kebersihan

## MAJLIS DAERAH KAMPAR

Unit Perhubungan Korporat & Pelancongan  
Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar  
Jalan Iskandar, 31900 Kampar  
Perak Darul Ridzuan

Tel: 05-467 1020 / Faks: 05 - 4671040  
[www.mdkampar.gov.my](http://www.mdkampar.gov.my)